


Jilid I
Bil. 33



Hari Jumaat
20hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4) [Ruangan 3365]
- Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan) [Ruangan 3369]
- Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan [Ruangan 3374]
- Rang Undang-undang Cukai Perjudian (Pindaan) [Ruangan 3377]
- Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 3384]
- Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3385]
- Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) [Ruangan 3398]
- Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit [Ruangan 3415]
- Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan) [Ruangan 3441]

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3429]
- Suruhanjaya Pilihanraya—Ketidakpercayaan [Ruangan 3451]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 20hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K., (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUN (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).

- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).

- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N.,
S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN
HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI
(Kuala Langat).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN
YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN
RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K.,
J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN
MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN
OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN
S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

- Yang Berhormat DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 4)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi meyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (19hb Disember, 1974).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya maklumkan semasa menangguhkan mesyuarat pada hari semalam iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab sekarang.

Perbahasan disambung semula.

2.31 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Selayang yang telah membuat beberapa teguran mengenai pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan dan juga membangkitkan masalah-masalah yang beliau berpendapat akan dihadapi oleh syarikat-syarikat yang berkenaan.

Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika beliau mengulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan pada 29hb November, 1974, memanglah sukar untuk merumuskan satu cukai baharu yang sempurna dan yang boleh mengatasi semua masaalah. Setengah daripada masaalah-masaalah ini tidak dapat dijangka pada peringkat sekarang, ataupun masaalah-masaalah baharu mungkin timbul kerana sesuatu keadaan yang tertentu.

Walau bagaimanapun, saya akan memberi jawapan kepada komen-komen atas beberapa masaalah yang tertentu yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan

Selayang, dan oleh kerana perkara ini adalah teknikal dan mempunyai implikasi-implikasi dari segi undang-undang, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi jawapan dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Selayang has raised some points of policy as well as others of a technical nature with regard to the proposed excess profits tax. He has suggested that the surplus on the revaluation of fixed assets should not be excluded from shareholders' funds on the contention that such exclusion will penalise the company concerned. It is recognised that, although a revaluation may, in fact, represent the true value of assets if brought up-to-date, this cannot be said to be actually shareholders' funds unless and until the assets themselves are realised. In other words, any surplus derived on the realisation of assets can be recognised as representing shareholders' funds but not the surplus on a mere revaluation of these assets.

In essence, revaluation only enhances the book value of the assets concerned and creates a notional profit or loss. It must be remembered that an excess profits tax is levied only on income chargeable to income tax, and the concept of shareholders' funds is used only for determining the excess part of the profits or income of the company which is to be subjected to the excess profits tax. As a company is not taxable on the profits on revaluation of the assets, any surplus on revaluation cannot be included as shareholders' funds. It will be appreciated at the same time that if a surplus on a mere revaluation of assets is recognised, then there will be considerable room for avoidance of any charge to excess profits tax.

I recognise at the same time that there may be difficulties faced by companies having to identify any revaluation of fixed assets and for the exclusion of the surplus on revaluation from shareholders' funds. In this connection, however, the Department of Inland Revenue will be asked to give such guidance as is necessary to the companies involved having regard to the various provisions in the Companies Act, 1965, the Income Tax Act and annual returns submitted to the Registrar of Companies where the records of asset revaluations are concerned. I am afraid that

in this sort of exercise, the companies will have to do what they can to identify such revaluation of fixed assets.

The Honourable Member also asked for a definition of what is meant by a company "operating in Malaysia". What amounts to operating in Malaysia through an office, branch, establishment, agent or representative, is a question of fact and such fact will have to be determined by reference to all the facts and circumstances obtaining in each case. The normal distinction between "trading in a country" and "trading with a country" applicable to income tax will also be applicable in the case of excess profits tax. Consideration will also be given to provisions that may be applicable in particular cases in Double Taxation Agreements. Beyond these broad guidelines, I am afraid, Sir, it is not necessary that the term "operating in Malaysia" should be spelt out in the Act itself.

With regard to the point made by the Honourable Member that the excess profits tax will be multi-stage in character where there may be a corporate structure involving subsidiaries, the basic point to emphasise is that a company is a separate corporate entity from the shareholders. The Honourable Member has cited a hypothetical case in which he believes that the excess profits tax would be inequitable. As this is hypothetical, I would invite the Honourable Member to discuss such a case in detail with the Department of Inland Revenue in order to establish the basis upon which such excess profits tax will fall bearing in mind, again, the basic principle that each company is a separate corporate entity. It must be recognised that the formation of subsidiaries purely for the purpose of receiving dividends with tax advantage cannot be encouraged as this would provide cases for tax avoidance.

The last point raised by the Honourable Member was his fear lest the limitation of deductibility in respect of bonuses will cause some hardship to employees. I feel that it should be appreciated at the same time that ex-gratia bonuses which are paid entirely at the discretion of the employer must also cause some uncertainty to employees as to what they would be earning in any given period. It is not unknown for certain employers to pay low wages normally and offer bonuses as a sop to ward off any discontent that

may arise out of the fact of such low wages. I believe that it may be more satisfactory all round for the employees concerned to have such bonus payments made to them in the form of regular wages on an increased scale rather than hope for bonus payments. In any case, Sir, what is proposed should place no limitation on what employers may wish to pay their employees where bonuses are concerned. The limitation where tax deductibility is concerned, as proposed in this Bill, is clearly a tax device. As regards the definition of the term "bonus", there is already established Case Law on this subject. The essence of such a definition is that this is a discretionary payment of an ex-gratia nature in addition to a fixed remuneration. A distinction can therefore be made between such bonus payments and contractual commitments which may be made between the employer and the employee where profit-sharing or commissions are involved. The same applies to incentive bonus schemes purporting to improve productivity. Here again, however, the tax authorities will have to determine the question on the basis of facts surrounding a particular case.

Setakat inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan akan mengulangkaji cukai ini dari masa ke semasa berdasarkan kepada perjalanan dan kesannya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap dalam Fasal 8 mengenai

Tuan Pengerusi: Sepatutnya sebelum saya putuskan tadi. Ahli Yang Berhormat, kalau hendak bercakap di dalam mana-mana

Fasal setelah Setiausaha membacakan Fasal itu, saya diam sebentar menengok kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bangun bercakap. Kalau tidak ada, saya terus jadi-kan Fasal-fasal itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Jadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong terlambat.

Fasal 11 hingga 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI SPEKULASI TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.50 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu "Akta bagi meminda Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk mengurangkan had pengecualian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2 dalam Jadual ke 4, Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974 daripada \$200,000 kepada \$100,000. Perubahan ini mula berkuatkuasa pada 13-11-1974. Perubahan ini bertujuan untuk memperluaskan bidang penguatkuasaan Akta ini dan dengan itu menjadikan langkah mencegah spekulasi lebih berkesan.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda beberapa seksyen Akta tersebut. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 47 bagi membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengumumkan hal-hal tertentu berkaitan dengan seseorang yang telah didapati salah atau dihukum di bawah Akta ini. Seksyen 48 adalah juga dipinda seperti di bawah Fasal 3 dengan tujuan untuk menyenangkan pihak berkuasa mendapat rekod-rekod dan kenyataan-kenyataan kewangan dan akaun termasuk dokumen yang disimpan oleh firma-firma professional atau firma-firma pengamal bagi pihak pelanggan-pelanggan.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 24 (1) dalam Jadual Kedua kepada Akta ini. Di bawah

peruntukan-peruntukan sekarang, jika sebuah bangunan dibina atas sekeping tanah kosong pada atau selepas tarikh berkuatkuasa Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974, iaitu 6hb Disember, 1973 dan tanah itu kemudian dijual, tanah itu adalah disifatkan sebagai telah diperolehi pada tarikh pembinaan bangunan itu ataupun pada tarikh bangunan itu siap. Sekiranya tanah itu dijual dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh yang disifatkan sebagai tarikh perolehan, keuntungan yang diperolehi daripada jualan itu akan dikenakan cukai spekulasi tanah. Walaupun peruntukan ini dapat dipertahankan pada umumnya ia mendatangkan kesukasan terutama sekali bagi tanah-tanah di ladang-ladang getah dan lombong-lombong di mana beberapa bangunan kecil telah dibina dengan harga yang tidak begitu banyak berbanding dengan harga ladang atau lombong untuk tujuan mengusahakan ladang ataupun lombong ataupun untuk memberi tempat tinggal kepada pekerja-pekerja ladang atau lombong. Tujuan meminda Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi peruntukan supaya kes-kes tersebut di atas dikecualikan dengan syarat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berpuas hati bahawa pembinaan bangunan-bangunan tersebut tidak melibatkan kenaikan yang terlalu banyak kepada nilai harta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

2.55 ptg.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua mengenai Rang Undang-undang yang dikehendaki oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Apabila kita membahaskan Rang Undang-undang ini pada setahun yang lalu ramai anggota Dewan pada masa itu telah memberitahu kepada bekas Menteri Kewangan bahawa pengecualian \$200,000 itu tak sesuai. Kita telah mencadangkan, bukan sahaja pihak Pembangkang, tetapi juga pihak Perikatan pada masa itu, berpendapat perlu Kerajaan meminda pengecualian \$200,000 kepada \$100,000. Saya berpuas hati hari ini Kerajaan telah membawa pindaan ini dan saya menyokong sepenuhnya pindaan tersebut.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah tentang masa. Jika saya tak salah di dalam Rang Undang-undang ini kalau sekiranya tanah itu dijual selepas dua tahun dari tarikh berkuatkuasa Rang Undang-undang ini, jualan itu tidak kena cukai; apa yang saya hendak cadangkan jika pihak Kerajaan benar-benar hendak mencegah spekulasi tanah ini, Kerajaan perlu memanjangkan masa itu daripada dua tahun kepada barangkali 4-5 tahun. Seorang yang benar-benar hendak membeli sebidang tanah untuk membina rumah, orang itu memang tidak khuatir jika masa itu dipanjangkan kepada 4-5 tahun, tetapi seorang yang hendak membeli tanah dan untuk membina rumah sebagai spekulasi, memanglah dia berasa khuatir. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan jika sekiranya Kerajaan benar-benar hendak mencegah spekulasi tanah perlulah Kerajaan, bukan pada masa sekarang, tetapi pada masa yang akan datang membawa pindaan lain untuk menimbangkan masa perolehan dan cukai itu boleh dikenakan daripada 2 tahun kepada 4 atau 5 tahun.

3.00 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Explanatory Statement refers to Clause 3 in these terms;

“ to enable the Director-General of Inland Revenue to publicise certain particulars in respect of any person who has been found guilty of or dealt with for any evasion or tax offence and facilitate access to financial records and statements and clients accounts of professional firms or practitioners.”

Going back to Clause (3) itself, Sir, I am rather concerned with the wording of the new Section 48 (4) (b), because it means a departure from the accepted principle of maintaining the confidentiality between solicitors and clients. As we know, this relationship is peculiar and essential for a professional person like lawyer where the confidence between himself and his clients should be kept or maintained. Here is a provision which will remove such principle. I wonder whether this Clause has been referred to the Bar Council for their comments; and if so, maybe we will accept this as desirable to have it for this particular case.

Then, I would ask the Minister concerned, in practice, not to give too much power to the Special Commissioners or the Director-General or any other authorised officer to go beyond what is intended. In other words, if any person's account has to be looked into, then I would say that person ought to be notified and no other person's account ought to be looked into. If that principle is accepted, then I would urge that the last few words here in Clause (3), i.e. Section 48 (4) (b) should be amended. I shall read the relevant part here: “ in connection with any client or clients of the practitioner for firm of practitioners or any other person”.

This is a very wide power for the Director-General or any other authorised officer to look into the account of any “other person”. But if the intention of this Clause is to mean that any “other agent of the person” who is under investigation, then I can accept it.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, for the purpose of record, you are reading Sub-section (4) (a), sub-paragraph (ii), isn't it?

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: I read Clause 3 which is in respect of Section 48 of the Principal Act.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That means paragraph 4 (a), Sub-paragraph (ii), is it correct?

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: No, Sir, Sub-section (4) (b) starting from “Notwithstanding the provision of any other written law. . . .” and so on.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: All right, proceed.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Of course, Sir, I appreciate that lawyers or any other professional people should not be party to any person's evasion of tax or duty but, at the same time, I feel that one has to be careful in not giving too much power or unnecessary and wider powers to officers, who may then make use of them for purposes which are never intended by this Act; and this power might be termed as “fishing expedition” which I think would not be desirable.

3.04 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Padawan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Berkaitan dengan tempoh samada patut dilanjutkan 2 tahun hingga 4 tahun ataupun tidak telahpun dikaji oleh Kerajaan. Tetapi undang-undang ini ialah untuk mencegah spekulasi dan pada pendapat Kerajaan jikalau diadakan transaction dan jikalau seorang yang telah membeli tanah dan dijual tanah itu di dalam tempoh 2 tahun inilah hypothesis, bermakna adalah spekulasi. Jikalau kita lanjutkan tempoh ini kepada 4 tahun barangkali ini menjadi satu halangan ke atas pihak yang menjual dan membeli tanah yang tidak ada terlibat elemen-elemen spekulasi.

Berkaitan dengan masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan, saya suka menegaskan di sini bahawa walaupun ada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini supaya memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk memeriksa rekod-rekod dan dokumen-dokumen yang disimpan, misalnya, oleh satu badan profesyenal, kuasa ini akan digunakan dengan sepenuh perhatian atas apa-apa masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, the object of having these powers given to the Director-General who will use his discretion—and this discretion, I assure Honourable Members will be used with the greatest sense of judgement and necessity—is in order to ensure that people or persons, who engage in or have engaged in transactions of a speculative nature, are brought to book and that these persons and individuals do not hide behind the confidentiality, which normally exists as between client and his advocate. I respect, Sir, the fears expressed by the Honourable Member, but I can assure you that these powers, if they are used at all, will be used with the utmost care and discretion.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.10 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang yang diberi nama “Satu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk mengena, mendapatkan secara levi dan memungut cukai perkhidmatan” dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam Ucapan Belanjawannya pada 12hb November, 1974, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa satu cukai perkhidmatan akan dikemukakan dan satu perundangan baru dibuat untuk melaksanakan cukai itu. Dengan itu tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan pada hari ini ialah untuk membuat peruntukan bagi pengenaan, pengutipan, pengambilan dan pentadbiran cukai baharu itu.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa cukai itu akan dikenakan dikutip atas apa-apa perkhidmatan dan barang yang ditetapkan yang diberi, dibekal atau dijual oleh atau di dalam pertubuhan yang ditetapkan pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa melalui suatu perintah oleh Menteri Kewangan di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang itu. Perkhidmatan bercukai atau barang bercukai itu akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui peraturan di bawah Fasal 41.

Cukai perkhidmatan yang kena dibayar akan ditentukan mengikut Fasal 4 Rang Undang-undang itu. Dalam perkara mengenai perkhidmatan bercukai, cukai dikenakan ke atas jumlah nilai yang dikenakan atau dilevi

sementara dalam hal mengenai barang bercukai ia akan dikenakan ke atas harga sebenar barang itu dijual. Jika tidak ada apa-apa bayaran dikenakan cukai itu akan didasarkan kepada nilai yang mungkin telah dikenakan di dalam urusan perniagaan biasa bagi pembekalan perkhidmatan atau pembekalan barang itu.

Cukai itu akan dikenakan ke atas dan dibayar oleh mana-mana orang yang menjalankan perniagaan membekal perkhidmatan bercukai atau yang menjual atau membekalkan barang-barang bercukai di dalam mana-mana pertubuhan yang ditetapkan seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang itu. Orang itu akan diberi kuasa di bawah Fasal 10 (2) untuk mengutip cukai dari pelanggan-pelanggan atau pembeli-pembelinya.

Fasal 8 ialah mengenai pelesenan. Di bawah peruntukan ini semua orang yang menjalankan perniagaan memberi perkhidmatan bercukai atau membekal barang-barang bercukai yang telah disebutkan tadi dikehendaki memohon satu lesen daripada seorang pegawai kanan kastam yang bertanggungjawab bagi daerah di mana tempat perniagaan utama pemohon itu bertempat. Oleh sebab lesen ini ialah hanya untuk pengawasan dan kesenangan pentadbiran ia akan diberi dengan percuma.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa orang-orang yang kena cukai akan dikehendaki mengeluarkan inbois dan menyimpan rekod-rekod atau akaun-akaun bagi semua jualan bercukai mengikut Fasal 10 Rang Undang-undang itu. Rekod-rekod dan akaun-akaun itu hendaklah disimpan bagi tempoh selama enam tahun mulai dari tarikh terakhir yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan orang-orang daripada mengambil kesempatan dari cukai itu satu peruntukan telah dibuat di dalam fasal yang sama yang melarang pengeluaran inbois oleh seseorang yang tidak dikenakan membayar cukai dan seseorang yang memberi apa-apa perkhidmatan atau membekal barang-barang yang tidak dikenakan cukai. Seseorang yang dikenakan cukai juga dikehendaki menghantar penyata bulanan kepada Pejabat Kastam dan membayar cukai yang dikutip bagi satu-satu tempoh cukai dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas akhir satu-satu tempoh cukai itu

mengikut Fasal 12 dan 14 Rang Undang-undang itu. Penyata-penyata ini akan ditaksir oleh pegawai kastam yang tertentu.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pengutipan, pulangan balik dan remitan cukai dibuat dalam Bahagian V Rang Undang-undang tersebut. Adalah diperhatikan di sini bahawa jika apa-apa cukai perkhidmatan telah dibayar atas kesilapan, pulangan balik cukai boleh dituntut daripada Ketua Pengarah Kastam mengikut Fasal 21 dengan syarat ia dibuat dalam tempoh satu tahun selepas pembayaran lebih itu. Fasal 22 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meremit kesemua atau sebahagian daripada apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar di bawah Rang Undang-undang ini.

Bahagian-bahagian VI, VII, VIII, IX dan X Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemeriksaan, perampasan, penahanan, kesalahan-kesalahan, pembicaraan-pembicaraan, peraturan-peraturan dan pentadbirannya. Kesemuanya ini adalah pada keseluruhannya sama dengan peruntukan-peruntukan yang berkenaan di dalam Akta Cukai Jualan, 1972.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas semua perkhidmatan berkaitan dengan tempat tumpangan, makanan, hiburan dan lain-lain perkhidmatan yang diberi oleh atau dalam sebuah hotel dan tempat-tempat seumpama itu seperti motel dan rumah rihat. Cukai ini akan dikenakan pada kadar 5%. Adalah dicadangkan bahawa cukai ini akan dikuatkuasakan mulai pada 1hb Februari, 1975 apabila Rang Undang-undang ini diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 52 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERJUDIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Cukai Perjudian, 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Cukai Perjudian, 1972 untuk membolehkan cukai perjudian dikenakan atas wang yang dibayar bagi "chips" atau lain-lain barang yang digunakan untuk membuat pertaruhan.

Fasal 2 Rang Undang-undang itu memberi peruntukan bahawa jumlah wang yang dibayar kepada pengusaha perjudian bagi "chips" atau lain-lain barang untuk digunakan sebagai pertaruhan atau pelaburan akan disifatkan sebagai jumlah yang dibayar bagi suatu pertaruhan atau pelaburan. Dengan pindaan ini cukai perjudian boleh dikutip atas pemain-pemain judi yang mengambil bahagian dalam berbagai jenis judi di kesino yang menggunakan "chips".

Cukai ini akan dikutip ketika seseorang membuat bayaran kepada pengusaha perjudian bagi "chips" atau lain-lain barang. Peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang pindaan ini akan berkuatkuasa pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah Fasal 1 dalam Rang Undang-undang ini melalui suatu pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.27 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir walaupun agama Islam ialah agama rasmi di tanahair kita, tetapi Kerajaan kita yang menghormati agama Islam menggalakkan perjudian di tanahair kita.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in this country, under the British, we only had one form of public gambling, i.e. to go to the Turf Club and to place one's bets there. It could be said that at that time the rich who also had motor cars could go and have a flutter in the Turf Clubs of our country. When the British departed, the popularly-elected Government of our day has enlarged the scope of gambling in this country. First, we had the Empat Nombor Ekor Berhad which have branches all over the country; then we had TOTO which seeks to compete with Empat Nombor Ekor and it also has branches also all over the country. Then the Government has approved of this Casino at Genting Highlands. There has been a great pressure, I gather, from a number of people to have another Casino in Penang, particularly on Penang Hill. I am glad that there is a statement by the Chief Minister of Penang that the Casino will not be allowed there, and I hope that the Minister of Finance and the Government will not open yet another Casino in this country.

Now, Mr Speaker, Sir, if it is recognised that corruption is a cancer that eats into the vitals of a nation, then I say gambling and the encouragement of gambling—with all these forms of gambling like TOTO, Empat Ekor, Turf Clubs and now the Casino—is equally evil as corruption. If this is so, particularly in these bad times, when you have recession and when you have stagflation, it is terrible to see the large lines of cars going to the Turf Clubs, as I often do see when I go back on a Saturday. I cannot take the usual route that I take—i.e. via Jalan Tuanku Abdul Rahman you go into Jalan Raja Muda and then you go into Jalan Pekeliling—because of the large lines of cars which are

all going to the Turf Club and I have to go a round-about way to go home and it sometimes takes me almost an hour to go from my dispensary back home.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Because you have chosen your dispensary at a very good location. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: No, Mr Speaker, Sir. That place is cluttered up with gamblers who go to the Turf Club. Now if they go in cars, then I can say, "Well, it really does not matter, they have cars; they want to have a flutter, they want to unload their money in the Turf Club; that is their business". But what worries me is sometimes when I pass that place, I see people who go about in motor-cycles, young people, people who obviously do not have big incomes and they go and have a flutter and I ask myself, "If I can't afford—and I have never been able to go to any Turf Club ever since I started working because I can't afford to—where do these people, whose incomes I do not think exceed more than \$200 or \$300 a month, get their money to go and have a flutter in the Turf Club"? Maybe the answer lies in the fact that they, perhaps, cheat a little here and there. This is why I say organised gambling in this country is as evil as corruption and eats into the vitals of a nation.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, please confine your observations to the subject under discussion because if the principal Act is brought up for debate, you may speak on the principal Act, but this is only an amendment to the Gaming Tax Act, 1972. Proceed!

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I wish to tackle this with an emphasis on the fact that the Government, by recognising or maintaining this Act, only encourages gambling, and this is why I want to speak generally, but not too long, on the evils of gambling.

Now, Mr Speaker, Sir, I gather—and I stand corrected—that the Government now wants to have another form of gambling—the "36 Numbers". Now the "36 Numbers" gambling I am told, I am not a gambler as I have stated, is equivalent to what the Chinese call "Chee Fah". Now "Chee Fah" is illegal, and I say it must be illegal, and

if the small people who indulge in it are caught, they are brought to court. Now I am told that the Government is about to give a licence or has given a licence to organise "Chee Fah" in this country.

Mr Speaker, Sir, I hope the Honourable Deputy Minister will tell us that this licence has not been given and that the Government will seriously reconsider any request for a licence for "Chee Fah" in this country, or if a licence has already been given, Mr Speaker, Sir, I hope that the Government will withdraw that licence, because I shudder to think of its consequences, particularly in these difficult times. Literally "Chee Fah" means that in every shop and in every street you can have this organised gambling, and I do not think that the Government will want to have organised gambling of such a widespread nature.

Consequently, Mr Speaker, Sir, I have not stated it just now, but I have always stated in this House that gambling should be restricted drastically in this country. If the rich want to have a flutter, then the Government should make it very expensive for them to do so. But certainly the Government should not encourage the ordinary citizens who, by no stretch of imagination, can afford to gamble by way of Empat Nombor Ekor, TOTO and "36 numbers" that I have alluded to just now.

3.32 ptg.

Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati betul-betul pendapat rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana saya percaya beliau itu bercakap daripada conviction, daripada kepercayaan dan daripada religious conviction, daripada agama beliau sebagai Methodist dan saya tahu beliau sangat bersih sehingga rokok tidak hisap, itu tidak buat inipun tidak buat. Saya betul-betul menghormatinya. Akan tetapi, saya suka mengambil peluang ini memperingatkan Ahli Yang Berhormat tadi, bukan kita dapat membentuk manusia seluruh dunia macam kita.

Betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat tadi agama Islam menjadi agama rasmi negeri ini dan perjudian itu ialah satu daripada perkara agama Islam tidak gemar dan melarangnya. Akan tetapi, adakah Ahli

Yang Berhormat itu juga berkehendakkan kita mengadakan undang-undang mengharamkan pembelaan atau menternak babi, membela babi, menjual babi atau sembelih babi dan sebagainya. Sungguhpun kita orang Melayu dan Islam tidak makan babi, tidak suka babi, tidak mahu pegang atau sentuh. Akan tetapi kerana kita menghormati peganutan dan pembawaan serta cara hidup masing-masing, kita cuma dapat membuat undang-undang mengawal iaitu mengawal tempat di mana dapat dibiakkan babi, di mana dapat disembelih dan sebagainya. Itu satu kes, atau satu contoh dan beginilah halnya dengan perjudian ini.

Barangkali sebagai seorang keturunan Tionghua sendiri, Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa seorang China daripada masa umurnya tiga tahun sudah mula berjudi. Kalau hari raya dia berseronok. Saya pun banyak berkawan dengan orang-orang China dan taulah selok-belok cara hidup orang-orang China ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Order. Yang Berhormat tolong tumpukan perbincangan kepada pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bertujuan hendak terangkan dan saya sendiri berpendapat bahawa saya sendiri tidak bersetuju dengan undang-undang ini, tetapi sebelum dapat saya berbalik kepada point saya tadi, elok saya fikir apabila Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan hujah-hujah yang akan merusakkan Kerajaan, yang akan merusakkan Barisan Nasional dan merusakkan kami semua di sini, biarlah kami menerangkan beberapa perkara yang patut diterangkan. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah saya terangkan dan biar Menteri terangkan, saya setuju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jemput duduk dahulu apabila Yang di-Pertua bercakap. Yang saya tidak benarkan ialah melarat kepada satu kaum penduduk negeri ini. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi menegur supaya penduduk negeri ini jangan terancam kehidupannya dengan sebab-sebab perjudian. Tetapi saya kurang hendak membenarkan Ahli Yang Berhormat berucap

dengan merujuk kepada satu kaum penduduk negeri ini. Ini, yang saya tidak benarkan dan saya suka bacakan Peraturan Mesyuarat 36 (1): "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu." Yang dibincangkan ialah pindaan kepada Akta Cukai Perjudian. Bukan Akta Cukai Perjudian itu sendiri. Sila teruskan kalau hendak bercakap lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, barangkali anticipate apa yang saya hendak kata, atau perasangka apa yang saya katakan, sebab itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya sebagai Yang di-Pertua di sini tidak menyangka apa-apa. Tetapi Ahli Yang Berhormat telah melafaskan ucapan yang pada fikiran saya menyalahi. Dan kalau ada sesiapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, silakan. Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis bercakap. Untuk rekod, kalau hendak potong cakapan saya, saya terima, tetapi saya belum berpeluang bercakap

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sudahpun menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peraturan-peraturan yang tertentu mengenai perbincangan ini, maka saya pun tidak hendak memberi jawapan pada dasarnya atas pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, melainkan saya ingin tegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan mengadakan beberapa undang-undang berkaitan dengan perjudian bukan untuk menggalakkan perjudian ini seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu.

Tujuan undang-undang ini ialah untuk mengawal supaya perjudian dalam negeri ini boleh diadakan kawalan yang ketat oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dan tujuan

hendak membuat pindaan kepada Akta Cukai Perjudian yang telah saya kemukakan pada petang ini ialah untuk tujuan bersama supaya mengawal dan juga jikalau kita hendak menumpukan perhatian kepada individu-individu yang pergi ke casino supaya mereka membayar cukai atas pertaruhan mereka di dalam casino. Inilah tujuannya supaya ada sedikit-sebanyak halangan bukan untuk menggalakkan. Jikalau Kerajaan hendak menggalakkan rakyat pergi ke casino untuk bermain judi Kerajaan tidak akan membawa satu Rang Undang-undang seperti yang saya bentangkan pada petang ini. Tujuannya cuma supaya orang yang menggunakan chips mesti dibayar cukai juga. Dengan ini harapan Kerajaan ialah supaya orang-orang itu tidak masuk sahaja ke tempat perjudian dan bermain judi sahaja tanpa apa-apa halangan atas bayaran cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memberi apa-apa jawapan lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada dasarnya atas perjudian, dan untuk rekod sahaja, keputusan supaya tidak mengadakan sebuah casino lagi di Pulau Pinang ialah satu keputusan Kerajaan Persekutuan dan bukan daripada Kerajaan-kerajaan yang lain. Kerajaan Pusat (Kerajaan Barisan Nasional) yang telah mengambil keputusan supaya tidak diadakan lagi sebuah casino di Pulau Pinang, ataupun di mana-mana dalam negeri ini. Ini bermakna bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa sedar, sentiasa mengkaji akibat-akibat daripada beberapa aktiviti berkaitan dengan perjudian di dalam negeri ini. Dan oleh kerana itu juga, Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod, pihak Perbendaharaan dengan kerjasama dari pihak polis sudahpun mengambil tindakan yang tegas supaya mengawal orang-orang yang mengadakan beberapa buah food machine ataupun one-arm bandit. Dalam suratkhbar sentiasa boleh dibaca bahawa pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya mencegah aktiviti-aktiviti yang boleh dikatakan haram itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Penerbangan Awam (Pindaan), 1974 bagi meminda Akta Penerbangan Awam, 1969, dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menubuhkan satu sistem pengurusan kewangan yang moden lagi lapanganterbang-lapanganterbang di Semenanjung Malaysia.

Salah satu perkara yang penting yang telah disyorkan oleh lapuran Pelan Induk, 1972 bagi lapanganterbang-lapanganterbang Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sandakan dan Kuching ialah untuk menubuhkan sistem pengurusan akaun atau kewangan yang moden di dalam rangka pentadbiran Kerajaan.

Penubuhan self-accounting unit di Jabatan Penerbangan Awam ini akan mencapai tujuan mewujudkan sistem akaun perdagangan di Jabatan Penerbangan Awam. Bagi permulaan system self-accounting ini akan dilaksanakan di semua lapanganterbang di Semenanjung Malaysia sahaja, oleh kerana ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa tugas juruperunding.

Adalah dicadangkan supaya yunit yang berkenaan ditubuhkan di Jabatan Penerbangan Awam di dalam bulan Januari, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.48 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2), 1974 supaya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi, dan memandangkan kepada perubahan-perubahan yang telah berlaku, maka Kementerian saya telah menyemak semula Akta Kawalan Harga, 1946 dengan tujuan untuk mengemaskinikan Akta tersebut supaya masala-masalah mengawal dan mengawasi harga dapat di atasi dengan lebih berkesan lagi. Hasil daripada semakan itu, perkara yang tidak berkenaan dan kelemahan-kelemahan seperti berikut telah terdapat:

- (a) Seksyen 13 (2) Akta adalah berkenaan dengan kuasa Pengawal Harga di dalam menentukan perniagaan borong atau pun runcit. Kuasa penentuan ini adalah tertakluk kepada seksyen 3(4) sebelum seksyen itu dipinda oleh Akta A222. Sekarang ini seksyen 3 (4) telahpun dipinda oleh Akta A 222 dengan memberi makna dan tujuan yang lain kepada seksyen 3(4). Oleh itu perkataan "subject to section 3(4)" di bawah seksyen 13 (2) (a) adalah tidak berkenaan lagi.

- (b) Kementerian hanya diberi tempoh untuk memulakan perbicaraan jenayah bagi sesuatu kes di bawah Akta ini selama 14 hari sahaja. Jikalau tidak, barang-barang yang ditahan oleh Kementerian ini hendaklah dipulangkan balik kepada tuan yang empunya barang-barang itu. Tempoh 14 hari ini adalah didapati tidak mencukupi.

- (c) Denda yang dikenakan sekarang ini ialah \$10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan yang pertama. Denda ini adalah ditetapkan dalam tahun 1946 pada masa Akta ini mula diluluskan. Dalam tahun 1946 denda sebanyak \$10,000 adalah dianggap mencukupi untuk mencegah perbuatan kesalahan di bawah Akta ini. Denda ini tidak dipinda hingga ke akhir tahun 1974 ini. Demikian juga berkenaan dengan denda bagi Pertubuhan Perbadanan (Body Corporate) yang ditetapkan sebanyak \$20,000 bagi kesalahan pertama. Denda ini ditetapkan juga dalam tahun 1946 dan tidak dipinda hingga kepada hari ini. Pada pendapat Kementerian ini, denda-denda ini tidaklah mencukupi dan tidaklah akan menolong mencegah berlakunya perkara jenayah ini.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas dan mengemaskinikan Akta Kawalan Harga, 1946, maka dicadangkan supaya Akta itu dipinda sebagai berikut:

- (a) Perkataan-perkataan "subject to section 3 (4)" yang terdapat di bawah seksyen 13(2) dihapuskan kerana tidak berkenaan lagi dengan meminda seksyen 13 (2) (a) tersebut.
- (b) Tempoh 14 hari untuk memulakan perbicaraan jenayah itu dilanjutkan kepada 30 hari supaya memberi masa yang cukup kepada Kementerian ini menjalankan siasatan-siasatan yang perlu. Ini boleh dilaksanakan dengan meminda seksyen 14.
- (c) Denda-denda bagi perseorangan dan pertubuhan perbadanan (Body Corporate) ditambahkan supaya menjadi \$15,000 dan \$25,000 masing-masing dengan meminda seksyen 22. Ini adalah berseimbangan dengan denda-denda yang didapati di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum soal kenaikan harga barang-barang sedang diberi perhatian berat oleh Kerajaan dari segala segi. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, maka dipercayai satu langkah lagi terhadap telah diambil untuk mengatasi ataupun mencegah berlakunya perkara jenayah penyorokan barang-barang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran untuk mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga, 1946 (Pindaan) (No. 2), 1974.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) yang dibentangkan di hadapan kita sekarang. Saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris dengan pendek sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau dengan pendek sahaja bolehlah bercakap dalam Bahasa Malaysia, tidak ada technical—berucap dahulu dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, my colleagues and I are of the view that this Price Control (Amendment) Bill which is tabled before us today

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya belum beri izin lagi, cuba mulakan dalam Bahasa Malaysia, selepas itu baharu boleh teruskan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Lee Lam Thye: As I said just now we are of the view that this Price Control (Amendment) Bill

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya kata tadi berucap dahulu dalam Bahasa Malaysia, selepas itu baharu teruskan dalam bahasa Inggeris.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berucap dalam bahasa Inggeris, hanya dengan izin sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Saya berkata tadi bahawa saya hendak membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga (Pindaan) (No. 2) yang dibentangkan di sini dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lee Lam Thye (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, my colleagues and I are of the view that this Price Control (Amendment) Bill, which is tabled before us today, will still be inadequate to deal with the problem of price inflation facing the people today. I understand that this is the second amendment Bill to the Price Control Act, 1946, the first amendment being passed in Parliament last year. The first amendment sought to require retailers, wholesalers, manufacturers and producers to display price tags for their goods. However, this first amendment was not able to bring about the desired results of effective price control. Despite the passage of the first amendment, prices of goods still continue to hike. This is obviously so because price tagging alone is not sufficient to deal with price inflation. Price tagging by itself is not price control.

Tuan Speaker, this second amendment Bill to the Price Control Act, 1946, which seeks to increase minimum fines and to lengthen the period for the custody of seized goods for the purpose of legal proceedings, is still, in my view, highly inadequate to deal with the growing problem of price inflation. This is only a half-hearted measure, and the Ministry of Trade and Industry has yet to come out with more concrete measures to check price hiking and control inflation. The Government has been most reluctant to come out with a strict and comprehensive price control policy apart from making minor amendments to the Price Control Act such as this Bill before us today.

Tuan Speaker, despite the many so-called effective measures announced by the Government to control prices, the fact cannot be denied that prices of goods, food and many other essential commodities, apart from those which have been declared as controlled items, still keep on increasing daily, if not weekly. There is not a single uncontrolled item which has not increased in price, and such increases are not marginal, but hefty ones, some going to as high as 100% increases.

Tuan Speaker, even house rents are going up fantastically causing hardship and creating housing problems for the low-income group.

Another instance. The present boycott of soft-drinks from Fraser & Neave (F. & N.) by the Foochow Coffee Dealers' Association, as a means of protest against the price increase of these soft-drinks, is itself an indication of the Government's inability to control price increase.

Tuan Speaker, it will therefore be seen that effective price control cannot be brought about by half-hearted measures, or in a piecemeal manner such as the introduction of this Price Control (Amendment) (No. 2) Bill. What is needed is a more comprehensive price control policy and stringent price control machinery.

It is with this in view that I would like to put forward the following two proposals for consideration by the Government:

- (i) to establish an "Early Warning System" on prices where, under this system, firms or manufacturers are legally required to notify the Government in advance of any proposed price increase in important commodities and services and to seek approval for any such proposed price changes; and
- (ii) to establish a National Price Commission, preferably headed by a High Court Judge, as an independent means of investigating the merits or otherwise of proposed price increases. This Commission could issue guidelines to determine a list of "Fair Prices", and also to have the power to permit or refuse price increases and to order reductions, if necessary.

3.59 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perkara meminda Akta Kawalan Harga, 1974.

Saya ingin menyatakan berkaitan dengan rampasan barang-barang yang dijalankan oleh pihak Pegawai-pegawai Penguatkuasa mengikut di bawah Akta ini, saya rasa perlu saya sampaikan di sini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Walaupun dari beberapa segi, boleh diluluskan tetapi saya rasa Menteri yang berkenaan

perlu mengambil perhatian untuk menjalankan kerja-kerja oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa dan ini haruslah ada timbangan sedikit khasnya dalam bidang perniagaan-perniagaan bumiputra. Saya menerima pengaduan daripada peniaga-peniaga bumiputra bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa keras benar apakala pergi ke kedai-kedai bumiputra dengan keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan dan dengan kata-kata yang keras ataupun kepada yang bukan bumiputra yang mempunyai kedai-kedai yang kecil dan tidak besar, sedangkan kalau pegawai berkenaan pergi ke kedai-kedai besar tidak begitu kuat dan keras. Jadi, saya menerima rayuan daripada peniaga-peniaga bumiputra supaya pada masa yang akan datang kalau pergi ke kedai-kedai bumiputra untuk memeriksa barang-barang itu, biarlah dengan muka yang manis dan tunjukkan kuasa kita itu pada masa kita menjalankan tugas dan jangan hendak marah sahaja. Itu pengaduan-pengaduan yang saya terima, mereka masuk ke kedai bumiputra dengan keadaan yang masam mengatakan ini barang salah dan sebagainya. Jadi, biarlah ditunjukkan dengan sopan santun, apatah lagi orang-orang bumiputra ini selalu mudah takut apakala melihat pegawai itu masuk dengan keadaan yang kasar, maka mereka terus berasa takut. Saya rasa ini tidak menggalakkan. Saya harap pada masa yang akan datang pegawai-pegawai itu mesti menjalankan tugas dengan cara yang baik kepada peniaga-peniaga bumiputra.

Satu lagi ketika menjalankan pemeriksaan, saya meminta kepada pegawai-pegawai yang berkenaan janganlah membawa isteri dan anaknya. Saya dapat tahu ada beberapa orang pegawai ketika menjalankan pemeriksaan membawa isterinya untuk pergi memeriksa di satu kedai dan di beberapa kedai. Saya dukacita dengan keadaan-keadaan seperti ini, dan saya harap biarlah pihak Menteri yang berkenaan memberi arahan apakala menjalankan pemeriksaan di kedai-kedai barang dan sebagainya janganlah membawa isteri dan anaknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Isteri yang ke berapa itu?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Seorang isteri dan seorang anak. Jadi, kalau kita membawa isteri dan anak selalu sahaja tuan punya kedai itu akan beri ada-ada

sahaja barang. Itu kurang menyenangkan. Jadi, saya tidak mahu menyebutkan satu persatu daripada bahagian itu tetapi saya boleh memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri cara-cara yang telah berlaku di beberapa tempat. Saya berasa dukacita dengan kejadian seperti ini, dan saya harap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus mengambil perhatian supaya pegawai-pegawai berkenaan bukan sahaja di Kuala Lumpur bahkan di Negeri Trengganu pun begitu juga. Masa pergi memeriksa barang di kedai jangan membawa isteri ataupun membawa anak, sebab ini mendatangkan pandangan yang tidak baik dari kalangan orang-orang yang melihat.

4.03 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sepatah dua terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjelaskan bahawa pindaan yang dikehendaki adalah untuk melanjutkan tempoh daripada dua minggu hingga 30 hari dan menaikkan denda. Langkah-langkah ini memang baik dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya. Tetapi seperti apa yang disebutkan oleh wakil dari Kuala Lumpur Bandar, pindaan-pindaan ini walaupun baik, tidak mencukupi untuk mencegah kenaikan harga barang-barang keperluan di tanahair kita, melainkan barang-barang yang diisytiharkan sebagai control items. Sebagaimana Menteri yang berkenaan sedar di luar bandar mahupun di dalam bandar harga sweet condensed milk, dinaikkan lebih daripada 75 sen setin.

(*Dengan izin*) Now, Mr Speaker, Sir, I fully agree with the Member for Kuala Lumpur Bandar that these amendments, while they are good and they are essential, are not enough and the Minister himself knows this well. I would plead with the Minister to set up a special team in his Ministry and if necessary, to get the co-operation of the Consumers Associations in this country to look at this problem of supply and demand, problem of the ever-increasing price of our essential commodities, so as to give both the producer and the consumer a

fair deal. At the moment, I am afraid, the consumer is always at the wrong end of the stick. He always gets a raw deal from the producer or the businessman, be it a small or a big businessman. I think a thorough investigation of this problem must be made and the Minister should come to this House with a comprehensive plan. We cannot completely eradicate the increase of prices of essential commodities in this country, particularly with the policy of *laissez-faire* in this country, but we can, to a large extent, see that the consumer gets a fair deal.

I say this because, of late, one notices that the Minister in this House himself has stated by implication that the Consumers Association or F.O.M.C.A. or the Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan is not that necessary when it comes to the firms in case they want to increase the price. I say that every time that there is an increase in price that is wanted by the manufacturer, there should be a thorough investigation as to the cost of the material and I believe, by now the Ministry itself should have experts who can run through the books of the producer or the factory, so as to see if there is any justification for the increase in price that is wanted by the producer. Then at the same time the Ministry should seek the views of both F.O.M.C.A. which is the Federation of Malaysia Consumers Association, and also the body that is established by the Minister himself, that is Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, now headed, I believe, by Tan Sri Hamzah Sendut, the Vice-Chancellor, Universiti Sains Malaysia; and all these bodies—the producers, the advisory body, the F.O.M.C.A. and anybody else—can contribute usefully to a thorough investigation of any essential goods on which the producer or manufacturer wishes to increase the price. If, after such a thorough consideration the Minister makes an announcement that the increase is justified, then at least the people of this country and, in particular, the consumers in this country can be *berpuas hati*. Mereka boleh menyatakan “Kita telah memberi pandangan kita walaupun pandangan itu tidak diterima oleh Kerajaan atau oleh majikan atau pengilang, maka kita telah ada berpeluang untuk memberi pandangan kita”.

Mr Speaker, Sir, I also wish to say that there has been some difficulty with regard to the registration particularly of small-time

businessmen. In the past, I have in this House pleaded with the Minister that, whenever one wants to renew his trading licence, there should be adequate time given. By "adequate time", I do not mean just "one week" or "two weeks" because the Minister knows that if you are a one-man kedai and if you go there and wait for 4 to 5 hours in the queue to renew your licence, for example, and then at the end of the office hours, they say "Tutup, esok datang di sini lagi" then, of course, the small-time businessman, particularly if it is a one-man show, he cannot have many such opportunities to go and renew his licence, so that

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyebut fasal licence di mana? Dalam Rang Undang-undang ini?

Dr Tan Chee Khoo: Di dalam kenaikan harga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada menyebut fasal licence.

Dr Tan Chee Khoo: Saya hendak menutup pendapat dan ucapan saya—I would make a plea with the Minister to take into consideration this problem facing the small-time businessmen.

4.10 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan pendapat tentang perkara yang melibatkan Undang-undang pindaan ini.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan setakat ini masih lagi inadequate atau tidak mencukupi bagi mencegah kenaikan harga barang-barang, maka saya suka menyatakan di sini bahawa banyak tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan buat masa lepas dan masa ini adalah bertujuan untuk mengurangkan berbangkitnya perkara yang semata-mata akan boleh mewujudkan keadaan dalam mana barang-barang akan naik harganya daripada kedudukan yang menasabah. Jadi, segala tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan seperti mengadakan undang-undang, peraturan mencegah penyorokan

barang-barang, pada pendapat saya telah memberi kesan yang baik dalam mana kenaikan harga barang, terutamanya barang keperluan adalah setakat ini telah dapat kita kawal.

Ahli Yang Berhormat itu menyatakan price tagging ataupun meletakkan harga barang di barang-barang yang dijual itu tidak mencegah kenaikan harga barang, saya suka menyatakan di sini bahawa perletakan harga kepada barang-barang yang dijual itu bukanlah bermakna barang itu mesti dijual dengan harga yang ditetapkan, kerana tujuan kita meletakkan harga kepada barang-barang itu adalah cuma memberi kenyataan kepada pembeli-pembeli di atas perbezaan di antara harga yang dijual di satu kedai dengan harga yang dijual berkaitan dengan barang itu di kedai yang lain. Kita belum lagi menjalankan kuatkuasa dalam mana kita memaksa orang itu menjual dengan harga yang ditetapkan mengikut peraturan yang ada terkandung dalam Undang-undang ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya amaran awal ataupun early warning patut diberitahu sebelum satu-satu harga barang yang terkawal itu dinaikkan, saya suka menyatakan di sini bahawa memang kita ada peraturan dalam mana sebelum satu-satu kilang ataupun syarikat menaikkan harga barang-barang yang termasuk di dalam takrif barang-barang yang terkawal, mereka mestilah menghantar surat permohonan di mana akan dibentangkan dengan panjang lebar segala laporan menunjukkan production cost, perbelanjaan barang-barang ini dan semuanya dikaji dengan mendalamnya oleh pihak yang berkenaan dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, termasuk pakar-pakar (experts) yang akan menentukan bahawa syarikat yang berkenaan itu ada alasan yang menasabah dari segi belanja pengeluaran untuk dibenarkan menaikkan harga barang. Jadi, selagi tidak diberi laporan ini, maka syarikat yang berkenaan itu tidak dibenarkan sama sekali menaikkan harga barang-barang yang dikawal itu.

Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya satu Suruhanjaya ataupun Commission yang di Pengerusikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dilantik untuk mengkaji kedudukan kenaikan harga barang dan permohonan untuk menaikkan harga barang-barang, maka sebagaimana saya telah jelaskan beberapa kali di Dewan ini, Commission

ataupun Suruhanjaya semacam itu tidak perlu kita adakan. Pada masa ini kita memang ada badan-badan berkenaan di peringkat Kementerian sebagai Majlis atau Pertubuhan yang mengawal kenaikan harga barang yang dinamakan Jawatankuasa Mengkaji Kenaikan Harga Barang ataupun Price Review Committee di peringkat Kementerian. Begitu juga badan yang dinamakan National Advisory Council for Consumers Protection ada mempunyai tugas juga untuk mengkaji dengan mendalamnya segala permohonan kenaikan bagi menaikkan harga barang-barang kawalan. Saya rasa dengan adanya dua badan ini tidak perlulah kita mengadakan satu badan Suruhanjaya sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan Pegawai-pegawai Penguatkuasa menjalankan tugas mereka dengan kasar, saya suka mendapat laporan yang lebih lengkap daripada Ahli Yang Berhormat itu tentang kenyataan bahawa ada pegawai yang menjalankan tugas melebihi batas dari segi sopan-santun, saya tidak enggan dan tidak sunyi daripada mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pegawai berkenaan yang menjalankan tugas melebihi daripada batas yang dibenarkan itu. Jadi, tentang aduan ini setakat yang saya tahu saya belum lagi dapat apa-apa aduan ataupun laporan daripada mana-mana pihak termasuk Ahli Yang Berhormat bahawa ada pegawai yang telah menjalankan tugasnya dengan menggunakan kekasaran dari segi tutur kata dan perbuatan, dan kalau ada sebagaimana saya katakan tadi saya mintalah laporan itu diberi kepada saya.

Ahli Yang Berhormat itu juga menegur bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dengan membawa anak dan isterinya, perkara itu saya sendiri berpendapat kalau sekiranya perbuatan itu tidak menghalang daripada menjalankan tugas mereka itu, dengan baik, saya tidak nampak sebab tidak boleh seorang pegawai itu tak boleh membawa isteri pada masa dia menjalankan tugasnya. Sebaliknya, mungkin pegawai-pegawai berkenaan itu rasa saya, boleh bekerja dengan lebih cergas lagi kalau sekiranya diberi inspirasi yang cukup oleh seorang yang rapat dengan dia sebagai isteri dia sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mencadangkan supaya satu badan ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk mengkaji tentang perkara supply and demand, dengan tujuan supaya kajian-kajian yang dibuat berkaitan dengan perkara ini dapat menolong menahan kenaikan harga barang. Suka saya menyatakan di sini bahawa satu daripada tugas badan National Advisory Council for Consumers Protection itu ialah untuk membuat kajian semacam ini, kita ada berbagai jawatankuasa kecil di bawah badan ini yang mengandungi economist, peniaga-peniaga, ahli perniagaan yang terkemuka yang diberi tugas tertentu untuk membuat kajian ataupun research di atas harga barang, production cost, harga pengeluaran barang. Masaalah supply and demand dan laporan-laporan ini sentiasa dikemukakan kepada Bahagian Kementerian yang berkenaan yang bertanggungjawab di dalam perkara memutuskan dan menimbangkan satu-satu permohonan untuk menaikkan barang-barang harga yang dijual. Dengan kerana itu, rasa saya tidaklah perlu diadakan satu badan lain untuk menjalankan tugas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menegur di atas tidak adanya perhubungan di antara Kementerian dengan badan ini tentang kenaikan harga barang-barang. Sebagaimana yang telah saya jelaskan di Dewan ini juga di dalam Jawatankuasa Pengkaji Kenaikan Harga Barang-barang (Price Review Committee) di dalam Kementerian saya, memang ada satu kerusi, satu tempat dikhaskan bagi wakil daripada badan ini, iaitu Badan National Advisory Council for Consumers Protection. Apabila ada satu sebab-sebab permohonan untuk dinaikkan harga satu-satu barang keperluan, jemputan dibuat, diundang wakil ini untuk menghadiri mesyuarat yang mengkaji permohonan untuk dinaikkan harga barang-barang ini di dalam mana wakil ini diberi kesempatan bersama-sama membincangkan masaalah, samada permohonan untuk dinaikkan harga barang itu diluluskan ataupun tidak. Sukacita saya menyatakan di sini lebih baik kita serahkan peluang penglibatan orang ramai menerusi Consumers Association ini menerusi wakilnya daripada kita berunding dengan satu badan yang saya anggap unwieldy yang mengandungi 28 orang semuanya di dalam Badan National Advisory Council for Consumers Protection.

Saya suka juga mengingatkan di sini bahawa di dalam Badan National Advisory Council for Consumers Protection ini wakil-wakilnya ramai datang daripada private sector, peniaga-peniaga dan Ahli Yang Berhormat mungkin bersetuju dengan saya bahawa perkara yang saya anggap sangat sensitif, iaitu perkara samada harga barang itu dinaikkan atau tidak, itu adalah perkara sebelum diisytiharkan perkara yang sangat sulit. Kalau sekiranya dibincangkan dengan terbuka di khalayak ahli 28 orang di dalam mana banyak orang peniaga, kalau bocor satu-satu perkara ini sudah berbangkit perkara-perkara yang tidak diingini. Kalau sudah ada kenyataan bahawa rahsia-rahsia telah bocor daripada tempat-tempat yang lebih penting semacam ini sudah tentu kalau sekiranya perkara ini dibahaskan dengan secara terbuka di dalam majlis yang begini ramai, tentu ada kemungkinan bahawa sebelum kita isytiharkan suatu-satu kenaikan harga barang itu perkara ini sudah dibocorkan kepada orang ramai. Dengan itu, kami berpendapat lebih baik kalau sekiranya badan ini diwakili oleh seorang wakil di dalam Price Review Committee yang sentiasa dijemput wakil ini kalau sekiranya jawatankuasa ini bersidang mengkaji satu-satu permohonan untuk dinaikkan harga barang-barang.

Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa ada harga-harga barang keperluan di luar bandar dinaikkan lebih daripada yang ditetapkan, yang mana Ahli Yang Berhormat menyebutkan sebagai contoh, susu tin yang dikatakan harganya dinaikkan lebih daripada 75 sen. Ini saya tidak menafikan, mungkin ada berlaku di tempat-tempat yang berjauhan daripada bandar yang mana mungkin tidak dapat kita mengawasi dengan rapinya perbuatan ini dengan kerana tidak ada pegawai-pegawai yang ditempatkan di situ, samada daripada Kementerian ataupun daripada pihak polis. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa selepas ini akan dibentangkan pula satu cadangan pindaan undang-undang dalam mana kita berharap diberi kuasa kepada Pegawai Polis yang berpangkat atas daripada Kopral, iaitu Sarjan supaya lebih ramai. Pegawai-pegawai polis diperingkat Sarjan ke bawah itu diberi kuasa mengawasi kedai-kedai supaya jangan berbangkit perkara-perkara yang kita cuba mencegah, iaitu perkara menyorok barang-barang di kawasan-kawasan luar bandar.

Tetapi dalam pada itu kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat mendapat maklumat yang tertentu menunjukkan ada barang-barang yang ditetapkan harganya seperti susu dijual dengan harga yang lebih, saya berterima kasih kalau sekiranya laporan dapat diberi kepada Kementerian untuk tindakan sewajarnya diambil.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.27 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan (Pindaan), 1974 supaya dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, berasas kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperoleh dalam beberapa tahun yang lepas, maka Kementerian saya telah menyemak semula Akta Kawalan Bekalan, 1961 dengan tujuan untuk memberi kuasa tambahan kepada Kementerian bagi mengendalikan masalah-masalah mengawal, dan mengawasi bekalan dengan lebih berkesan lagi. Hasil daripada semakan itu beberapa kelemahan telah terdapat seperti berikut:

- (a) Pada masa ini kuasa menyiasat di atas aduan-aduan daripada orang ramai adalah terhad pegawai-pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Dalam kempen anti-sorok

baharu-baharu ini, aduan-aduan di atas penyorokan di luar bandar tidaklah dapat diberi perhatian segera oleh pihak Polis kerana kebanyakan balai-balai polis di kawasan-kawasan luar bandar hanya mempunyai pegawai-pegawai polis yang rendah dari pangkat Inspektor. Penyiataan serta-merta ke atas aduan-aduan itu tidaklah dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis yang menjaga balai-balai polis di luar bandar tanpa kuasa yang bertulis dari Pengawal Bekalan.

- (b) Masaalah tafsiran adalah juga didapati berkenaan dengan kuasa-kuasa Pengawal Bekalan dalam memberi perintah atau arahan berkaitan dengan barang-barang kawalan yang telah diambil milik olehnya. Samada kuasa itu termasuk kuasa menjual atau memulang balik barang-barang itu sekiranya tindakan Mahkamah masih lagi belum selesai dan barang-barang itu tidak mudah rosak. Keraguan juga didapati kerana peruntukan yang tidak lengkap dalam soalan tindakan di atas barang-barang lain seperti kenderaan, vesel atau lain-lain barang yang diambil milik bersama-sama dengan barang-barang kawalan.
- (c) Sungguhpun telah ada peruntukan dalam Akta ini yang menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang berniaga barang-barang kawalan tanpa lesen tetapi peruntukan ini tidaklah mencukupi kerana pekedai-pekedai masih boleh menafikan yang ia ada barang-barang kawalan dalam miliknya dan enggan atau tidak mahu menjual barang-barang kawalan itu.
- (d) Kuasa penyiataan polis di bawah Akta ini adalah sama seperti kuasa penyiataan polis di bawah Kanun Acara Jenayah. Pihak-pihak berkenaan telah mencabar berkenaan kuasa ini mengatakan segala kenyataan yang dibuat oleh orang yang dituduh adalah tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana pegawai-pegawai penguatkuasa dikatakan telah menggunakan kuasa polis dalam penyiataan mereka.
- (e) Peruntukan dalam seksyen berkenaan dengan kuasa mahkamah menahan barang-barang kawalan adalah didapati tidak lengkap kerana peruntukan tidak

dibuat bagi barang-barang lain yang diambil milik bersama-sama dengan barang-barang kawalan.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat sekarang dalam Akta Kawalan Bekalan 1961, maka dicadang supaya Akta itu dipinda seperti berikut:

- (a) Kuasa menyasat di bawah Akta ini perlulah diberi kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Sarjan dan mana-mana pegawai polis yang menjaga balai polis supaya mereka dapat mengambil tindakan segera di atas apa-apa aduan yang diterima supaya Kempen Anti-Sorok dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi. Bagi maksud ini seksyen 10 Akta perlulah dipinda supaya pegawai-pegawai polis tersebut diberi kuasa sewajarnya.
- (b) Seksyen-seksyen 11 dan 12 Akta perlu digantikan dengan peruntukan-peruntukan baru yang memberi kuasa yang nyata kepada Pengawal untuk menjual mana-mana barang-barang kawalan yang telah diambil milik olehnya, jika diputuskan untuk mengambil tindakan jenayah mengenai barang-barang itu. Tetapi jika tidak, maka Pengawal hendaklah mengembalikan barang itu kepada empunya atau membayar kepadanya harga barang itu. Dengan adanya kuasa yang nyata untuk menjual maka tidaklah perlu lagi peruntukan yang memberi kuasa kepada Pengawal untuk memberi perintah supaya barang kawalan itu ditempatkan di pasaran, dan peruntukan itu perlulah digugurkan dengan sewajarnya. Hal menguruskan berkenaan dengan kenderaan, vesel dan lain-lain barang perlulah juga ditetapkan dalam peruntukan baru itu.
- (c) Menambahkan satu seksyen baru kepada seksyen 16 supaya dijadikan satu kesalahan bagi seorang penjual berlesen yang menafikan secara dusta yang ia ada memiliki mana-mana barang kawalan atau enggan menjualnya.
- (d) Ditambah satu seksyen baru kepada seksyen 24 supaya membolehkan diterima sebagai keterangan maklumat tertentu yang diberi oleh orang-orang yang dituduh.

(e) Seksyen 26 perlu dipinda supaya mem- persamakan seksyen-kecil (2) dengan seksyen-kecil (1) berkenaan dengan perkara “kenderaan vesel atau lain-lain barang.” Pada masa sekarang hanya seksyen-kecil (1) sahaja menyentuh mengenai barang-barang itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli- ahli Yang Berhormat sedia maklum soal bekalan dan kenaikan harga adalah satu masaalah yang tidak mudah diatasi memandangkan kepada keadaan “stagflation” yang dialami di seluruh dunia sekarang ini. Adalah dipercayai dengan adanya satu pindaan ke atas Akta ini, maka senanglah sedikit bagi kita mengawal perkara-perkara bekalan, dan kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk mengemukakan Rang Undang- undang Akta Kawalan Bekalan, 1961 (Pindaan), 1974.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di- Pertua, saya mohon menyokong.

4.34 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk meng- ambil bahagian di dalam perbahasan di atas pindaan tertentu terhadap Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan juga saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris oleh sebab ini ada berkenaan dengan undang-undang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau minta izin tidak payah beri sebab.

Tuan Lee Boon Peng: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, while referring to the Control of Supplies (Amendment) Bill, I wish to touch on Clause 3 in regard to new Section 12 (1) (a) and (b) and 12 (2) (a) and (b). I hope the Minister will note that in these four proposed amendments, no time limit has been inserted for institution of legal proceedings. Under section 12 (1) (a), the Controller may decide to institute criminal proceedings even after two months, though the goods seized are perishable in nature, and he can decide whether to act under (a) or (b). But there must be a time limit, as provided, for instance, under the Price Control (Amend- ment) Act, which we passed just now. There is an amendment to Section 14 which

provides for an increase from two weeks to thirty days the period after seizure after which, if within that period no criminal proceedings have been instituted, the seized goods should be restored. Here, we have a provision under new Section 12 (1) (b) which states:

“if it is otherwise decided, the Controller shall either restore possession to the owner or, instead of restoring possession, pay to owner of the controlled article the maximum price fixed by any written law”

Mr Speaker, Sir, if the Controller shall decide to restore possession, there must be a time limit within which he should do so, because I have known of cases where small shopkeepers in the rural areas have been arrested for offences under the Control of Supplies Act. I am all in favour of the law being brought in full force against offenders under the Act, but in the interest of justice, I would like the Minister to see that there is a time limit wherein prosecutions should be instituted against such offenders, especially in the case of perishable goods. If we were to take the case of sugar it is a well-known fact that sugar “weeps,” if it is kept for a long period. So, if it is decided to restore possession of these goods such as sugar and similar other perishable items, and if there is no time limit set for prosecution, then the owner may not get the full value of the goods that are restored.

Mr Speaker, Sir, I have referred to Section 12 (1) (a) and (b) and (2) (a) and (b) and I trust that the Minister will take note that a time limit should be inserted by way of an amendment to the Control of Supplies (Amendment) Act.

I would now like to refer to another new section—Section 16A (1), paragraph (b) where it states:

“16A (1) Any person, being the holder of a valid licence issued in accordance with section 7 to sell by wholesale or retail any controlled article, who has in his possession a stock of the article and who—

refuses, except with the permission of the Controller or any supplies officer authorized in that behalf by the Controller in writing, to sell the article in reasonable quantities in the ordinary way of business”.

I submit with respect, Mr Speaker, Sir, that the word "reasonable" has a very wide meaning. What is reasonable? It is a state of mind. In this amendment, we are giving authority to an officer below the rank of Inspector, but not below the rank of Sergeant, and any officer-in-charge of a police station to exercise the powers in relation to investigations. We have to be careful that in enforcing this Act, with the use of the word "reasonable", any police officer above the rank of Sergeant, or any officer in charge of a police station, may not act contrary to the spirit, because in the enforcement of the Control of Supplies (Amendment) Act which is now passed by us today, justice and fairness should be the main consideration especially in enforcing Section 16A. For example if a man wants to go to a shop to buy a dozen tins of condensed milk, to him that is a reasonable quantity; but to a shopkeeper, he may think that three tins of condensed milk is a reasonable quantity. Now, I submit that the word "reasonable" can have a very wide interpretation, although Section 16A (b) gives protection to the offender, where it states:

"It shall be a defence to a charge under subsection (1) (b) that the accused had reasonable grounds for believing that the purchaser was unable or unwilling to make immediate payment of the article in cash".

Now, that is quite a good protection for the shopkeeper, but in the interest of justice, I would like an assurance from the Honourable Minister that, when we enforce this new Section 16A, there should be some directions or guidance from the Ministry on the definition of the word "reasonable" under the circumstances. I feel that we should bring the full force of the law against those shopkeepers who hoard, against wholesalers who withhold supplies from the market and against manufacturers who withhold certain goods or certain items so as to force the prices to go up. In particular, in the case of essential goods like condensed milk where, if there had been no ceiling, we would have got first grade milk at a certain price, but because of a price ceiling of 75 cents, we are now forced to buy second-grade milk at the ceiling price of 75 cents.

I would also like to bring another point here. I feel that the word "reasonable

quantities" may affect the consumers. There was an instance which I read in the newspapers about a month ago, where a certain group of clerks got together after they had obtained their salaries at the end of the month, and they made a purchase of goods on a co-operative basis from a shop so as to save some money. Now, if six clerks were to band together and go to a shop to buy sugar, milk and other essential foodstuffs for the house, will they be refused the supply, because under Section 16 (A), the shopkeeper will say, "I am supposed to sell to you a reasonable quantity"? Now, this kind of co-operative practice will help the consumers, because a group of persons can get together and save some money by buying things on a wholesale basis. Now, if a group of persons were to go to a supermarket or to one of the big retailers, will they be able to collectively buy enough supplies for a month? I submit that it is perhaps time now that, if we were to enforce this Section 16 (a) (b), the Minister should take this into consideration and give directions in that respect.

That is all I have to say regarding this Bill.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bercadang untuk menempohkan Mesyuarat ini sebentar dan kita akan sambung semula perbahasan ini kelak.

Majlis ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli ahli Yang Berhormat, kita menyambung semula perbahasan di atas Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan). Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.06 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong penuh Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, yang mana saya tahu dengan Rang Undang-undang ini membawa kebaikan khasnya kepada pengguna-pengguna.

Di atas daya-usaha Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya sangat berterima kasih dan berharap dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan, dan tidak sebagaimana biasa yang berlaku terhadap barang-barang yang akan dipergunakan oleh pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kepada siapa-siapa yang menyorokkan barang, maka tindakan akan diambil. Di sini juga telah dinyatakan kuasa diberi kepada mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah dari Sarjan mengambil tindakan segera di atas aduan antisorok. Tetapi walau bagaimanapun, saya bimbang kadang-kadang undang-undang itu baik peraturannya, sebagai contoh ialah di dalam ugama Islam. Misalnya, dari segi hukum, seseorang itu tidak boleh membuat perkara yang dilarang oleh Tuhan. Hukum tetap hukum, tetapi manusia melakukan juga perkara yang dilarang. Dengan sebab itu, saya berharap dengan terlaksananya undang-undang yang begitu baik dan begini padat, saya merayu kepada pegawai-pegawai seperti yang telah dinyatakan oleh Rang Undang-undang ini supaya mengambil daya usaha yang sungguh-sungguh. Janganlah satu-satu perkara itu apabila menerima perintah dari pihak atasan, maka akan membuat report dari satu tempat ke satu tempat. Kalau difikirkan benda itu perlu diambil tindakan dan kuasa ada pada kita, patutlah diambil tindakan. Saya berkata begitu kerana berasa amatlah sedih di masa-masa yang lepas tentang perkara yang menjadi keperluan walaupun dalam benda-benda keperluan. Kawalan bekalan ini banyak tetapi yang menjadi keperluan kepada kita hari-hari ialah dua tiga empat jenis: beras, gula dan perkara-perkara lain lagi, tetapi gula dan beraslah yang menjadi satu benda yang amat perlu kepada tiap-tiap manusia. Dan benda inilah juga yang diheboh-hebohkan dan selalu disebut-sebutkan bahawa kawalan tidak cukup, tentang harga dan sebagainya. Tetapi walau macammata pun yang menjadi heboh sekarang tentang bekalan atau perkara ini tidak ada dalam simpanan. Perkara yang tidak ada disebabkan dua tiga perkara: satu boleh jadi perkara ini tidak betul; yang, kedua, perkara yang ditetapkan sebagai pembekal mereka cuai dan lebih tepatnya mereka pengkhianat pada negara, jika mereka menyimpan barang-barang yang berkenaan.

Untuk mengatasi perkara ini selain daripada Rang Undang-undang ini diadakan, saya syorkan selain daripada orang yang biasa menjadi pembekal yang berkenaan, saya merayu dalam Dewan ini, sebab saya dapat tahu di negeri saya sendiri, di Kangar, ada kilang gula dan ada beberapa orang yang menjadi pembekal atau agent-agent gula, setakat yang saya dapat tahu semua agent-agent yang berkenaan tidak ada langsung daripada bumiputra. Itupun tidak tahulah kalau sehari dua ini, kata orang zaman beralih, yang saya tahu tidak ada, tetapi hari ini boleh jadi ada, tetapi setakat masa yang lepas tidak ada. Satu langkah patutlah diambil oleh Menteri yang berkenaan pembahagi-pembahagi ini dikhaskan kepada orang bumiputra.

Yang kedua, mengawal bekalan, kalaulah benda itu ada, tetapi kalau benda itu tidak ada, ini yang menjadi kesulitan. Dengan sebab itu, saya tahu Menteri yang berkenaan berusaha sedaya upaya untuk mengawal sehingga tidak dibenarkan bawa keluar negeri atas niat Menteri yang berkenaan—saya tahu dari hati ke hati, kita ucapkan syabas dan terima kasih.

Selain daripada itu, saya titikberatkan bekalan gula, kerana ini yang menjadi masaalah yang terlampau hangat, walaupun masaalah lain benda ini biasa juga dicakapkan, tetapi gulalah ini menjadi masaalah yang terlampau hangat.

Saya masih ingat semasa saya kecil dahulu, masa Jepun masa itu, gula putih ini tidak ada langsung. Orang yang membuat pada masa itu ialah gula daripada pokok nyior (pokok kelapa) dan satu lagi gula Thai. Saya sendiri pun biasa tengok orang-orang tua ambil daripada nira kelapa (nira Thai) tadi menjadi gula dan saya dapati gula ini amat manis, lazat dan bersesuaian sangat kalau dibuat makanan-makanan harian. Saya ingat lebih baik, kalau hendak dikatakan lebih baik daripada gula tebu. Ini menjadi satu daya usaha dari perusahaan pertanian dan saya yakin ini akan menambahkan hasil gula yang tidak mencukupi ini. Dengan sebab itu saya syorkan dan saya yakin kalau tempat nyior itu tidak begitu banyak, salah seorang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dalam Dewan ini, kalau tidak salah saya ada mempunyai kebun kelapa. Kalau diagaknya gula kelapa ini boleh mendapat hasil yang begitu

baik dan cara prosesnya lebih kurang sama dengan gula tebu, saya ingat patutlah ini menjadi daya usaha. Saya sendiri tengok gula tebu di Perlis, pokok tebu itu kecil dan mengeluarkan gula sedikit. Saya ingat kalau hendak dibandingkan dengan gula kelapa harus gula kelapa boleh menguntungkan kalau cara prosesnya lebih baik lagi. Dengan itu, saya fikir untuk mengatasi kekurangan ini selain daripada menghadkan kawalan perbekalan untuk menambahkan bekalan-bekalan seperti gula patutlah dengan daya usaha Menteri yang begitu bersungguh-sungguh dapat meneruskan usahanya yang begitu baik untuk menstabilkan perbekalan yang sangat-sangat mustahak ini.

5.15 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have only a few points to raise. I understand the word "hoarding" has been defined in the main Control of Supplies Act. But the traders are not very happy because they are still not very certain with the definition of the word "hoarding", and the traders have always been harassed and victimised by the inspectors who call on them. They are quite afraid to order goods and store a reasonable amount for sale to the members of the public. I hope the Minister will be liberal and understanding and will not take too harsh an action on the traders. Furthermore, the traders themselves are not very sure as to the amount of goods they can store. If they store a bit more, then they may be caught by the inspectors; and if they store a bit less, then their business may suffer because they cannot meet the demand of the people. Mr Speaker, Sir, from experience, we know that demand for a certain type of goods differs from place to place. In a particular place, the demand for a certain type of goods may be more and therefore, the trader may have to stock more. In another place, the demand may be less for that particular type of goods, and therefore the trader may have to store less. So, I hope the inspectors concerned will be reasonable when they call on these traders and will not harass or victimise these traders unnecessarily.

Furthermore, if a trader would like to store up a certain type of controlled goods, they may have to apply to the Minister for a licence. But invariably, when they apply for a licence, they have to wait for a long time and they may have to wait for months before they can get a reply from the

Minister. In such a case, if they do not get a licence in a short time, or within a reasonable time, then there may be shortage of goods in his shop and as a result of which the prices of that particular category of goods may rise. Thus, it is not the fault of anybody but the fault of the Ministry concerned in not being able to process the applications for licences early. So, I hope the Minister concerned will look into this matter.

As to the price-tagging, Mr Speaker, Sir, lately the Government has told the traders to price-tag a number of goods. Now they have been given a certain time to do so. The traders are not very happy about this because they have been given too short a time to price-tag so many types of goods. They have held a few meetings, and I understand they have also communicated with the Ministry concerned about their problems of price-tagging so many types of goods within such a short period. I hope the Minister will give them more time. They are prepared to assist the Government; they are prepared to co-operate; but what they want is more time to do what the Ministry wants them to do.

Mr Speaker, Sir, the Court has been given the power to order confiscation of goods in case of a conviction for an offence under this particular Bill. From experience, the Court normally orders certain types of goods confiscated for disposal by the Police—the usual phrase is "for disposal by the Police." In certain cases, in particular those gambling cases, where tables, *mahjong*, *pakau* and so on and so forth have been confiscated, the Police do not know what to do with them. Some of these exhibits are left by the road side, or left outside the C.I.D. office or the police station. What are the Police going to do with the exhibits? The Court merely states "for Police disposal". Are they to be burnt or are they to be stored up in the store-room, or are they to be auctioned? Sir, I hope the Minister will liaise closely with the Legal Department as to what to do with the things that have been confiscated and to be disposed by the Police. I think specific orders should be given that either they should be auctioned and the amount collected to be credited to revenue or the items should be burnt or destroyed in a public place, and so on and so forth.

I am sorry to say that there are a lot of rumours going round that certain types of blue-films have not been destroyed. They

have been ordered to be destroyed, but they have not been destroyed. Sir, I hope in such cases, they should be destroyed openly in public so that everybody knows that such things have been destroyed and everybody is happy.

Lastly, Mr Speaker, Sir, I understand that road-blocks have been put up at various places such as at Kuala Kubu Bahru—Tanjong Malim Road Junction. They have been put up for some time now—I think for more than a year or so—and they are supposed to check on hoarders of these vital items from being transported or smuggled out of the country. But I have passed through these road blocks many a time, but apparently I have not even been checked at all and I see that the others also are not even being examined or checked.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Because they know you are a good Member of Parliament.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I suppose so. But I see a lot of lorries also get through without really being checked. Of course, the road block serves a purpose, in the sense that it acts as a psychological warfare against these hoarders. It is a good thing. But I suppose by now these hoarders would have learnt that at certain places there would be road-blocks and so they would not take those routes. Why not we take off those road-blocks and only occasionally put them up and try to surprise the culprits, rather than having them put up throughout the year or over the next few years? They know that the road-blocks are there, and they will not carry the goods through that route. They will probably go by some other side-roads to bypass them. So, this is a matter for the Police to consider. Perhaps, there may be a better way to trap them rather than to have these road-blocks throughout the year.

5.22 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menyentuh tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin, dalam mana Ahli Yang Berhormat telah memberi pendapat tentang beberapa fasal ataupun perkara di dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat menyatakan rasa ke-bimbangan ataupun keraguannya tentang definisi ataupun takrif perkataan “reasonable quantities”.

Di sini suka-lah saya meminta izin supaya memberi penjelasan dalam bahasa Inggeris untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu dengan lebih jelas.

(*Dengan izin*) Sir, the use of “reasonable quantities” as a definitive term, though not, I admit, satisfactory is the most practicable and effective way of defining the quantities. It would not be practicable to state any specific quantities, in view of the fact that this law, which we are proposing to amend, is intended to apply to various articles and various types of consumers. This is a case where it is best to resort to the exercise of good sense and discretion, instead of resorting to any rigid specification; and those who decide to prosecute will exercise their discretion judiciously on the facts and merits of each particular case. I would like to add here that a seller who acts honestly and in good faith should have no fear of the new Section 16A.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan time limit. Here I would like to explain also that, where the law does not expressly provide the time limit, as it does not do so in this particular Act for the taking of any action, under the Interpretations Act of 1967, action has to be taken with all convenient speed.

Jadi, dengan adanya tafsiran ini di bawah Rang Undang-undang Pentafsiran, 1967 tidak perlu bimbang yang satu-satu kes di bawahnya itu akan dibawa dengan secepat mungkin yang boleh sebagaimana diberi tafsirannya (interpretation) di dalam Rang Undang-undang yang saya sebutkan tadi. In practice, it does not take too long to decide to prosecute; it is the actual trial that sometimes takes too long, but the Controller may always order the sales under Section 12 (1) (a) (ii) to prevent loss from deterioration or a drop in the price of the articles seized.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya kurang faham sedikit telonya itu, sungguhpun saya lama tinggal di Perlis, tetapi mungkin pengertian yang saya perolehi daripada ucapan Ahli Yang Berhormat itu berlainan daripada yang ditunjukkan, tetapi kalau salah saya meminta

maaf. Saya meramalkan dan menganggap bahawa beliau bimbang dengan kuasa yang diberi kepada pegawai Polis di bawah pangkat Inspector, mungkin pegawai yang rendah pangkatnya ini agaknya menyalahgunakan kuasa yang diberi kepadanya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, barangkali Yang Berhormat Menteri tidak faham. Sebenarnya maksud saya, undang-undang itu baik dan dengan adanya pegawai-pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada sarjan diberi kuasa mengambil tindakan, maka akan lebih baik lagi. Itu maksud saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi Ahli Yang Berhormat menyokong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya ingat beliau tidak menyokong (*Ketawa*). Kali ini saya faham sedikit kerana beliau bercakap perlahan sedikit, tadi laju sangat.

Saya juga menganggap bahawa Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya gula biasa yang kita gunakan itu digantikan dengan gula kelapa, ini rasa saya adalah satu cadangan yang baik, memang kita galakkan kalau boleh. Pertamanya orang kurang sedikit menggunakan gula untuk mengatasi masalah kekurangan gula dan kenaikan harga gula, dan kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh menggerakkan satu projek di Perlis, di mana lebih banyak gula kelapa boleh dikeluarkan, ini saya percaya akan dapat mengatasi masalah kekurangan gula terutama di negeri Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bahawa peniaga-peniaga tidak berpuas hati di atas takrif perkataan "hoarding", sukaulah saya menyatakan di sini, saya mengakui bahawa ada pada mulanya berbangkit kekeliruan tentang perkataan hoarding ini dalam mana pada mulanya kita menjalankan kuatkuasa undang-undang ini, banyak orang-orang yang tidak memahami apa perkara yang masuk di bawah takrif makna hoarding ataupun tidak. Perkara ini telah diberi penjelasan dengan panjang lebar dan terserahlah kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang telah diberi panduan (*guide-line*) tentang makna

hoarding ini menentukan apa dia simpanan barang-barang yang masuk dalam makna takrif hoarding ataupun tidak.

Tentang perkara ini rasa saya Ahli Yang Berhormat tidak usahlah bimbang, kerana kalau sekiranya sesuatu perkara itu dibawa ke Mahkamah dalam mana orang yang dituduh hoarding ataupun menyimpan dengan salah barang-barang itu dituduh, dia berhak membela dirinya sendiri menerangkan kepada Mahkamah bahawa perbuatannya itu tidak termasuk dalam makna ataupun takrif hoarding.

Tentang harapan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian tidak menggunakan atau mengambil tindakan yang kasar terhadap peniaga-peniaga, di sini suka saya memberi jaminan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian sendiri menjalankan tugasnya, saya akui memang payah, memang susah bila seseorang itu memasuki sesuatu kedai, mengeluarkan barang, membongkar sesebuah kedai, menjalankan tugas dengan tidak mendapat satu-satu kemarahan daripada tuan punya kedai. Jadi, dalam pada ada cabaran-cabaran kasar bahasa, cakap-cakap yang pedih dan kasar daripada peniaga-peniaga yang kedainya telah dibongkar itu, saya suka menyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di atas perkara penguatkuasa itu telah menjalankan tugasnya dengan begitu sabar (*patience*) dan saya tahu mereka tidak hilang fikiran dengan membuat perkara yang saya katakan tadi di luar batas dari segi sopan santun, tetapi dalam pada itu kalau ada bukti keterangan pegawai yang ada membuat perkara yang tak patut dilakukan, saya berterima kasih kalau lapuran itu dapat dibawa kepada pengetahuan saya sendiri.

Tentang keraguan, kebimbangan kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa peniaga-peniaga mengambil masa lama untuk mendapat lesen, di sini saya sukaulah menyatakan bahawa kuatkuasa peraturan *licencing* itu belum dikuatkuasakan lagi, *is not yet enforced*. Peniaga-peniaga boleh menjalankan perniagaan terhadap barang-barang kawalan (*controlled goods*) selagi dia mendapat kebenaran ataupun pengakuan daripada Kementerian. Dan tentang pertimbangan untuk satu-satu kebenaran itu, sukaulah saya menyatakan di sini bahawa sudah tentulah penyiasatan itu akan mengambil masa yang sedikit panjang, tetapi

dalam pada itu sukaiah saya memberi jaminan di sini bahawa segala langkah akan diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan perkara memproses satu-satu permohonan yang dibuat oleh peniaga-peniaga itu.

Ahli Yang Berhormat juga menyatakan bahawa peniaga-peniaga tidak senang hati di atas tindakan meletakkan harga (price tagging) barang-barang di kedai-kedai yang telah dijalankan kuatkuasanya baru-baru ini. Dalam perkara ini sukaiah saya menyatakan bahawa price tagging ini telah berjalan semenjak beberapa lama terhadap barang-barang yang tertentu. Buat masa ini barang-barang yang dikehendaki dikenakan price tagging, kalau tak salah saya, berjumlah 82 jenis semuanya dan sebagaimana saya katakan tadi dengan kerana sudah lama perkara ini berjalan, sudah tentulah peniaga-peniaga itu tidak menghadapi sangat apa-apa kesulitan untuk mematuhi peraturan yang baharu sahaja dijalankan kuatkuasanya.

Saya telah mendapat laporan bahawa wakil-wakil daripada peniaga yang telah berada di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah mengkaji dengan mendalamnya masalah price tagging ini, problem yang berbangkit mengenai price tagging ini dan di dalam mesyuarat-mesyuarat itu saya dimaklumkan bahawa wakil-wakil daripada peniaga-peniaga itu adalah berpuas hati di atas langkah-langkah yang telah diambil dan tidak ada mereka itu membawa teguran yang boleh menghalang perjalanan perkara ini dengan licin. Dalam pada itu baharu-baharu ini saya telah dimaklumkan ada kerumitan berbangkit dengan kerana di dalam kuatkuasa yang baharu dijalankan ini ada perkara-perkara yang dahulu tidak dijalankan. Umpamanya, sekarang ini diadakan peraturan juga supaya dikenakan price tagging kepada barang-barang yang dahulunya tidak ditaruh price tagging, umpamanya, barang-barang yang berlandaskan kepada beratnya barang-barang itu (weightage). Jadi, dengan kerana perkara-perkara baharu ini, saya telah mempersetujui supaya kuatkuasa peraturan itu ditangguhkan selama satu bulan sahaja, dan saya telah menyatakan saya tidak mahu lagi memanjangkan masa tangguhan itu lebih daripada satu bulan, kerana satu bulan itu saya rasa adalah mencukupi bagi peniaga-peniaga itu yang saya telah katakan

tadi mempunyai pengalaman untuk mempelajari perkara-perkara baharu berkenaan dengan peraturan berkaitan dengan price tagging itu.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan barang-barang yang dirampas dan yang diperintahkan untuk dimusnahkan (dispose) atau dijual oleh mahkamah, sukacita saya menyatakan bahawa barang-barang yang dirampas dan dijadikan exhibit di Mahkamah oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini adalah di dalam jagaan pihak pegawai-pegawai yang berkenaan dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, bukan pihak polis. Mereka bertanggungjawab di dalam perkara perampasan ataupun penjualan barang-barang ini selepas satu-satu perbincangan itu ditamatkan. Kalau sekiranya perbincangan tidak dijalankan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang, pegawai berkenaan itu akan mengarahkan supaya barang itu dijual ataupun diserahkan kepada tuan punya barang-barang itu. Kalau sekiranya barang itu dijadikan exhibit terpaksa barang itu disimpan sampai satu masa dalam mana kes itu akan dibicarakan di mahkamah dan kalau sekiranya ada hukuman daripada mahkamah supaya barang itu di dispose, maka tindakan sewajarnya akan diambil oleh pegawai yang berkenaan supaya menjual ataupun melong barang-barang itu mengikut hukuman yang dibuat oleh Mahkamah. Suka saya menyatakan di sini mengikut pengalaman saya barang-barang yang biasa dihukum di dispose oleh Mahkamah untuk di lelong, bukanlah dijual dengan sewenang-wenang sahaja oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, dan lelong itu dijalankan sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum dengan cara diedarkan kepada orang ramai, diberi maklumat yang awal tentang adanya pelelongan itu supaya kesemua orang yang agak suka membeli barang-barang lelong itu boleh mengambil kesempatan untuk membelinya.

Tentang syor Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian saya berhubung rapat dengan Jabatan Undang-undang (Legal Department) supaya menjamin bahawa barang-barang yang dirampas itu dijahanamkan kalau dihukum untuk dijahanamkan dengan baik. Perkara ini saya rasa tak usahlah Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang. Sebagaimana saya kata tugas ini adalah terserah kepada

pegawai-pegawai yang berkenaan dan pegawai-pegawai berkenaan akan diawasi supaya menuruti perintah pemusnahan satu-satu barang yang dibuat oleh Mahkamah itu dengan sebaik-baiknya.

Setakat yang saya tahu bahawa sekatan jalanraya (road block) diadakan oleh pihak Polis, pihak Pasukan Tentera Tempatan adalah selama ini diadakan untuk mencegah supaya jangan berlaku perkara menyeludup beras daripada satu daerah kepada satu daerah, bukan setakat untuk mencegah perkara berlakunya penyeludupan barang-barang untuk disimpan ataupun hoarding. Itulah sahaja penjelasan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.42 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemusnahan dan pengawalan serangga-serangga yang membawa penyakit dan mengenai pemeriksaan dan rawatan perubatan terhadap orang-orang yang mengidapi penyakit yang dibawa oleh serangga-serangga dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, semua Pegawai-pegawai Perubatan Kesihatan dan Inspektor-inspektor Kesihatan Awam, termasuklah mereka yang bekerja dengan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Satu daripada jenis-jenis penyakit yang sangat merbahaya yang dibawa oleh serangga di zaman ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih maklum ialah penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk jenis *Aedes aegypti*. Untuk menghapuskan penyakit seperti tersebut, maka undang-undang ini memberi kuasa, kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pegawai-pegawai Perubatan Kesihatan, Inspektor-inspektor Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai yang bekerja dengan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk memasuki dan memeriksa premis-premis, yakni rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah dan sebagainya supaya pemunya-pemunya dan penduduk-penduduk tidak membiarkan serangga membawa penyakit membiak dalam premis-premis mereka. Ini adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai itu dengan memberi notis terlebih dahulu kepada pemunya-pemunya atau penduduk-penduduk yang berkenaan.

Dari kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan menerusi kempen-kempen di merata-merata kawasan baharu-baharu ini bahawa usaha-usaha untuk menghapuskan serangga seperti nyamuk *Aedes* tidak dapat dijalankan dengan penuh berhasil jika Kementerian ini hanya menggunakan penerangan-penerangan dan nasihat-nasihat sahaja kepada pemunya-pemunya dan penduduk-penduduk dan bergantung kepada kerjasama dari mereka itu. Usaha-usaha itu tidak memberi bekas. Oleh yang demikian, Kementerian ini telah mendapati adalah penting iaitu tanggungjawab untuk memusnahkan serangga-serangga pembawa penyakit di dalam premis-premis seperti nyamuk *Aedes* hendaklah diletakkan ke atas diri pemunya-pemunya atau penduduk-penduduk itu sendiri menerusi kuasa undang-undang. Oleh itu, sangat-sangatlah mustahak bagi pihak Kerajaan menubuhkan undang-undang ini supaya dengan cara tersebut mereka tidaklah boleh sentiasa berharapan semata-mata kepada usaha dan tenaga Kementerian Kesihatan sahaja. Seperti ahli-ahli dalam masyarakat, pemunya-pemunya

dan penduduk-penduduk hendaklah mengambil bahagian menyertai usaha Kerajaan untuk memperbaiki kesihatan masyarakat amnya.

Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa orang ramai tidak dapat mengelak untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan untuk mengawal dan menghapuskan serangga-serangga pembawa penyakit dalam rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah mereka dan sebagainya.

Fasal 11 adalah satu fasal yang penting yang akan memberi kuasa penuh kepada Ketua Pengarah Kesihatan atau Pegawai-pegawai Perubatan dan Kesihatan untuk menimbang dan menentukan kawasan-kawasan mana yang mungkin mengelakkan atau melindungi serangga membawa penyakit supaya mereka yang terlibat hendaklah mendapatkan kelulusan sebelum mereka itu menjalankan kerja-kerja pembangunan, memajukan tanah, mengorek dan sebagainya, dan mereka dikehendaki mengemukakan pelan-pelannya kepada Pegawai Kesihatan yang berkenaan terlebih dahulu.

Saya fikir tidaklah perlu bagi saya menghuraikan satu-persatu fasal-fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini untuk menjimatkan waktu kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telahpun menerima Rang Undang-undang ini sebelum persidangan ini. Saya suka menegaskan di sini bahawa undang-undang ini sangat-sangatlah perlu dikuatkuasakan dengan secepat mungkin untuk mengelakkan kejadian dan merebaknya penyakit-penyakit yang dibawa oleh serangga seperti penyakit demam denggi yang telah menyebabkan beberapa kematian pada masa-masa yang sudah yang tidak patut berlaku jika sekiranya masing-masing telah berusaha mengambil berat sedikit untuk membersihkan rumah-rumah, bangunan-bangunan, tanah-tanah masing-masing dan kawasan-kawasannya supaya nyamuk-nyamuk tidak dapat membiak.

Kuasa-kuasa dalam undang-undang baharu ini tidak hanya terhad bagi penyakit demam denggi bahkan boleh digunakan bagi semua jenis penyakit-penyakit yang didatangkan oleh serangga-serangga pembawa penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang-undang bertajuk Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974 dibentangkan di Dewan ini sekarang dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.49 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengambil pandangan begitu berat dalam hal ini dan dapat analisa dan cadangan-cadangan yang begitu detail tentang cara-cara bagi mengatasi dan menghapuskan serangga-serangga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, a subject of considerable concern and interest at the moment in Malaysia is the prevalence of the serious condition referred to as dengue haemorrhagic fever which, during the last two years, took the lives of many of our young children, as was mentioned by the Honourable Deputy Minister of Health. The following figures should help to elucidate the extent of its severity.

		<i>Period</i>	<i>Cases</i>	<i>Deaths</i>
Malaysia	...	1973 1st Jan. to 31st Dec.	969	54
		1974 1st Jan. till today	1,487	104
<i>Breakdown figures:</i>				
Johore	...	1974 1st Jan. till today	896	71
Batu Pahat (the worst-hit district)		1974 1st Jan. till today	395	43
Kuala Lumpur City		1974 1st Jan. till today	135	9

As you can see from the figures, about 28% of the cases came from Batu Pahat and that about 40% of the deaths were recorded in the same district. The deaths comprised of a large majority of young children averaging from 3 to 12 years old.

During the epidemic, the condition in Batu Pahat reached such a catastrophic proportion that many new wards were opened

just to house these unfortunate victims, and extra nurses were sent in to work round-the-clock shifts, fighting to save the lives of the dying children. The sight was pathetic; all the wards were packed with very ill or dying children and with mothers crying and praying that their children would not be the next to go. I was very fortunate in this, Sir, to have the opportunity to help the then physician of the hospital who worked day and night without sleep trying to prevent deaths with the limited means available to him. The work of the doctors and nurses and, in particular the then physician, deserves our praise.

Mr Speaker, Sir, what I want to emphasise today in our gracious meeting is that the action taken by the Health Ministry, though rather too slowly, in indoor spraying, fogging and serial ultra low volume spraying of insecticides in an attempt to bring down the population density of the vector (or *Aedes mosquito*) is not the long-term solution to the problem. It may be used as an emergency measure, but the most important and permanent control measure is the prevention of the breeding of *Aedes Aegypti* in domestic water containers. To achieve this, a carefully planned and professionally administered control programme integrating all means of control is necessary. Public health education should be made compulsory in schools, and more of the biological facts of the *Aedes mosquito* should be made known to the public. For instance, the public should be informed that merely emptying the vases and domestic containers will not destroy the eggs, as the latter are laid just above the level of the water in these containers. The people must be told that the inside of these containers must be scrubbed, otherwise refilling these containers again with water will allow the larvae to hatch out thus continuing the evil life-cycle of these mosquitoes. We must also obtain the co-operation of the rakyat for example, to participate in "gotong-royong" projects, etc.

Now, so much for the rakyat, What about the Government's responsibility? It is also the duty of the Government to make sure that our drains are frequently cleaned and scrubbed; that the playing fields are drained of the stagnant pools of water; that no long lallangs are allowed to grow in or near the drains providing ideal breeding grounds for these mosquitoes. I would also recommend

regular foggings in those badly affected towns rather than just fogging the towns only whenever deaths were recorded.

Also, law will be an ineffective weapon if there are insufficient law enforcement officers to carry out the objectives of these legislations. I suggest that the Government should recruit more of such personnel to carry out on-the-spot checks at random, if the law is to have any effect at all.

Another fundamental method of reducing the vector population is by the provision of adequate piped water supplies into homes, reducing dependance on storage containers. The squatter areas in large towns, estates, kampungs and particularly new villages, for example, in Yong Peng New Village where the most number of such cases were recorded in a single area, constitute one of the biggest health problems where the Government can do a lot to help improve the water supply and sanitation.

Another important disease-bearing insect—it is a different insect altogether which has lived with us for so long that we have taken them for granted is the housefly. A variety of unpleasant and dangerous diseases can be transmitted by flies which visit infected human faeces and subsequently contaminate foodstuff. These include typhoid fever, dysentery and cholera. It is the most difficult insect to exclude from food in the kitchen and dining room (unless, of course, you live in a fully air-conditioned house.)

The health officers and local authorities have a heavy responsibility to see that garbage is safely disposed of and, most important of all, a lot has to be done about the filthy, smelly and flies-ridden back-lanes in most of our Malaysian towns.

This morning the Chinese Charge D'Affaires who praised Georgetown for its cleanliness might, I think, have reserved his comments if he had been shown the "back-side" of the town. (*Ketawa*)

Maybe it is a good idea, in our flies eradication programme, to give monetary award for flies killed as an incentive, as has been done in some parts of China.

5.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga

Pembawa Penyakit dan sama minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, while I fully agree with the need for the public to co-operate with Government to carry out the destruction and control of disease-bearing insects which are injurious to public health, however, I observe that this Bill is heavily loaded with measures and penalties to be inflicted on occupants and owners of private premises which breed and harbour disease-bearing insects. I notice that this Bill is concentrated on private premises while no mention is being made of public property such as land or open spaces or drainage maintained by public authority.

Looking at Clause 23 of this Bill, I note that the penalty imposed on any person found guilty of breeding or harbouring disease-bearing insects is as follows: in respect of a first offence to a fine not exceeding \$1,000 or to imprisonment for a term not exceeding three months or both; and in respect of a second or subsequent offence to a fine not exceeding \$2,000 or to imprisonment for a term not exceeding one year or both. I feel this is too drastic for any individual.

Mr Speaker, I have said before and I wish to say it again that such a law is quite unnecessary. Although its intention is appreciated, it is too drastic and, if this Bill is passed, it is going to be detrimental to the people, in particular the poor and the illiterate who live in the squatter and the slum areas of Kuala Lumpur and other parts of the Federal Territory.

Mr Speaker, nobody would like to breed or to harbour disease-bearing insects more so in their homes or in their own premises, but if the illiterate who live in the slums and the squatter areas are not aware of how they can destroy and control the breeding grounds of disease-bearing insects, then the answer is education and not by law. By passing a law such as this will never solve what is essentially an educational problem.

Mr Speaker, even if this Bill is passed and unnecessary hardship caused to the illiterate in the slums and the squatter areas, it will still not be able to remove all the breeding grounds of disease-bearing insects, for even if every owner or occupant of a premises takes

steps to destroy all the breeding grounds of such disease-bearing insects inside his home, such disease-bearing insects can still breed and harbour in public places, especially in places where there are no proper drainage facilities, in empty tins, cans, bottles or other receptacles lying in public places which are supposed to be maintained by the local health authorities.

Who then is responsible for removing such breeding grounds of such disease-bearing insects? Can the public and the private individuals be blamed? The answer is sure and simple. If such breeding grounds should exist in such places, then it should be the responsibility of the local health authorities and in this case the Dewan Bandaraya if it is in Kuala Lumpur.

Mr Speaker, Sir, for the information of this House, as a Wakil Rakyat who makes regular tours of my constituency, I am shocked to see the very unsatisfactory services performed by the Health Section of the Dewan Bandaraya in regard to public cleansing and public health. In many parts of my kawasan, especially in the squatter areas, Dewan Bandaraya does not provide adequate health facilities like proper drainage and refuse disposal. In most of these squatter areas where there is no proper sanitation, there are mosquito breeding grounds and the uncollected refuse in public places also give rise to breeding grounds for flies and other disease-bearing insects.

Mr Speaker, Sir, overgrown grass and undergrowth in public places, which not only breed and harbour disease-bearing insects but also reptiles, are not cut down and removed by Dewan Bandaraya. Such places of overgrown grass and undergrowth even exist in the vicinity of hotels and shopping complexes. A good example is Jalan Walter Grenier complex in my kawasan which is situated near Hotel Regent. Repeated pleas to Dewan Bandaraya by the public to cut down the grass and the thick undergrowth have fallen on deaf ears. Another example is Lorong Tingkat Tong Shin, which is just off Jalan Bukit Bintang. Breeding grounds for disease-bearing insects are also found in stagnant drains which are maintained by Dewan Bandaraya, where there is no regular cleaning. Even the City Hall authority is not able to provide regular insecticide to public ponds or

drains or pools in all the squatter areas of Kuala Lumpur to destroy disease-bearing insects.

Mr Speaker, in the light of the above, can only individuals be blamed for not doing enough to destroy breeding grounds of disease-bearing insects and must therefore such a Bill be passed to penalise them? What about the local authority itself? The places I cited above are public places, where the private individuals hold no responsibility, and it is up to the local authority to act.

Mr Speaker, in view of the above, I would suggest here that:

- (1) The local health authorities should first set the example in the destruction of all disease-bearing insects and their breeding grounds before compelling the private individuals to do likewise.
- (2) The Dewan Bandaraya Administration should provide more attention into the health environment of the squatter areas in helping the poor squatters to remove all these breeding grounds for disease-bearing insects.

6.03 ptg.

Tuan Azahari bin Md. Taib (Kulim Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini telah diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah bermaksud hendak menghapuskan penyakit-penyakit, tetapi apa yang saya suka menarik perhatian ialah tentang cara melaksanakan Rang Undang-undang ini, saya menarik perhatian tentang pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan bila Rang Undang-undang ini dijadikan undang-undang kelak.

Dalam melaksanakan undang-undang ini kita akan menghadapi dua masalah:

- (i) Tanah-tanah atau benda-benda yang dipunyai oleh Kerajaan atau Majlis Tempatan;
- (ii) tanah-tanah atau rumah-rumah atau kawasan-kawasan yang dipunyai oleh orang-orang perseorangan.

Saya sangat berharap supaya Kerajaan sewaktu melaksanakan undang-undang ini jangan cuba membuat seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul. Pernah terjadi dalam Majlis-majlis Tempatan/Bandaran, tukang-tukang angkat najis yang malas membuang najis-najis ini di longkang-longkang.

Pernah kejadian dalam Majlis Bandaran juga pengangkut-pengangkut najis atau pengangkut-pengangkut sampah yang malas membakar perkakas-perkakasnya supaya dia tidak payah lagi membawa dan mengangkat barang-barang ini ke tempat pembakar yang dikhaskan.

Saya tahu perkara ini berlaku di dalam Majlis Tempatan dalam negeri saya sendiri, di mana sebahagian besarnya pembersihan lorong-lorongnya dijadikan kontrek. Bila dijadikan kontrek, kontrekter-kontrekter ini hendak mengurangkan tenaga pekerjanya atau hendak memudahkan kerja, sampah-sampah ini dikumpulkan di hujung-hujung jalan kemudian dibakar, maka tertinggalah tin-tin kosong, botol-botol yang tidak dimakan oleh api dan yang lebih malang sekali ialah pengangkut najis yang tengah-tengah malam, dinihari membawa najis-najis ini tidak pergi ke tempat yang patut dicurahkan tetapi dituangkan di parit-parit dan longkang yang berhampiran dan itu bukan sahaja membangkitkan masalah pollution bahkan masalah yang lebih teruk lagi dari segi kesihatan.

Saya sangat berharap sebelum kita melaksanakan hendaklah pihak yang bertanggungjawab melaksanakan undang-undang ini atau khasnya kepada Kementerian yang berkenaan memilih dahulu kawasan-kawasan yang difikirkan menasabah dijalankan peringkat demi peringkat, kerana ada kawasan-kawasan dalam negeri kita ini yang saya ingat walaupun tujuannya baik, tetapi perlaksanaannya berbangkit-kerumitan atau salah faham. Ada setengah-setengah Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran yang pegawainya tidak cukup hendak menjalankan dan ada setengahnya hingga orang ramai tidak mahu membayar hasil kepada Majlis Tempatan kerana servicenya tidak ada. Dia hendak memberi service tidak boleh kerana duit tidak ada. Dia hendak minta cukai, orang tidak mahu membayar cukai kerana tidak dapat service. Ini satu masalah yang rumit yang dialami oleh Majlis-majlis Tempatan. Masa melaksanakan undang-undang ini, saya

rasa haruslah kita mengadakan dua tiga tempat terlebih dahulu sebagai pilot scheme atau rancangan pemandu di mana kesilapan-kesilapan dan pengalaman-pengalamannya dapat dijadikan panduan bagi menjalankan kuatkuasa undang-undang ini seluruhnya. Dalam melaksanakan undang-undang ini, saya berharap supaya kejujuran, keikhlasan dan ketegasan mesti menjadi panduan kepada Kerajaan. Kalau pedoman yang seumpama itu tidak ada; saya merasa undang-undang ini indah khabar dari rupa sahaja walaupun tujuannya baik.

Akhirnya, saya sangat setuju dengan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam bahawa satu penerangan ataupun pengajaran sivik berkenaan macam mana orang ramai dapat menolong Kerajaan bagi melaksanakan tujuan undang-undang ini dan macam mana faedah kepada mereka itu harus dilancarkan dengan ber-sungguh-sungguh dan macam mana cara hendak melakukan supaya undang-undang ini dapat dijalankan dengan jayanya, mesti dijalankan dengan sebesar-besar dan seluas-luasnya supaya orang ramai dapat memberi kerjasama yang sebaik-baiknya.

6.09 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1974. Terlebih dahulu saya mohon izin untuk memberi ucapan saya di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker Sir, in the first instance, I would like to take to task the D.A.P. Members for Kuala Lumpur Bandar and Sungai Besi. The Member for Sungai Besi, for example, during the debate on the Health Ministry allocation cautioned the Government against the passage of this Bill. He implied in his speech that people were tax-payers and, therefore, the cleanliness of the society should be the sole responsibility of the Government. I contend, Mr Speaker, Sir, that the responsibility for a clean and healthy society is the responsibility of both—society and Government itself. We cannot have a situation where Government goes round cleaning up tins, filling up ponds, when we have an irresponsible few who are littering and digging up ponds and breeding mosquitoes and what-not. A healthy environment is definitely the responsibility of all, and I have read that even the D.A.P. top

leadership has at all times called for Government to be vigilant against diseases like malaria and dengue fever. Yet, I wonder Sir, that when this piece of legislation comes up which aims to wipe out these things, they oppose. I get the feeling, Mr Speaker, Sir, that there is Opposition within this House for the sake of Opposition, that one day when somebody says, "you can live on rice and water," somebody will stand up from the Opposition and say "No, you can live on love and sunshine". And obviously, D.A.P. will live during the day on sunshine and during the night on love!

Mr Speaker, Sir, in this Bill, I can see that the Government has taken into consideration the welfare of the majority as opposed to the irresponsibility of the irresponsible few, the irresponsible few, whose level of civic and health consciousness has not risen to the level of the people's expectations of the right to a healthy life and environment. Mr Speaker, Sir, we must recognise that in this country of ours, there is a tremendous amount of apathy amongst certain sections of our people, an apathy towards the civic consciousness and the health consciousness that they should exercise. We must recognise that certain sections of our people have no ideals towards a society of good health and clean environment.

The Government has tried a poster campaign; the Government has tried campaigns through the mass media to have a clean environment. The Ministers and leaders of our society have also tried and appealed to the people to receive a certain amount of education on health consciousness which should penetrate into their minds. But a lot of these appeals and campaigns have failed to penetrate certain resistant sections of our people.

I contend, Mr Speaker, Sir, that legislation, in many instances, has been the most effective instrument in engineering attitudinal changes. I must congratulate and commend the Government in general and the Ministry of Health in particular for this piece of legislation, which is aimed at bringing about a cleaner and healthier environment which, I believe, will breed cleaner and healthier minds.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang harus kita memahami ialah bahawa tokoh-tokoh politik yang mula-mula sekali menyuarakan tidak kepuasan hati mereka di atas pembatalan beberapa pengundi ialah daripada tokoh-tokoh UMNO dan juga daripada tokoh-tokoh parti-parti Barisan Nasional. Selepas daripada itu, baharulah suara-suara lantang yang dikeluarkan, yang disuarakan oleh tokoh politik Barisan Nasional ini disambut oleh tokoh-tokoh politik daripada parti Pembangkang, terutama sekali daripada parti D.A.P. Dengan itu, bermakna bahawa pada kesimpulannya semua parti berasa bimbang, berasa curiga di atas apa yang telah berlaku dan hasil daripada suara-suara yang tidak puas ini, maka beberapa tindakan telahpun berjalan.

Satu daripadanya ialah bahawa pendaftaran baharu dijalankan.

Yang kedua, ialah penubuhan suatu Jawatankuasa yang telahpun dilantik, yang mana dua orang Menteri Kabinet ada menganggota Jawatankuasa ini.

Itu tindakan-tindakan yang telahpun diperbuat dan ini menunjukkan betapa seriousnessnya Kerajaan memandang hal ini sehinggakan mengarahkan penubuhan dengan segera suatu Jawatankuasa Penyelidikan. Apabila Jawatankuasa ini telah tertubuh bermakna kita terpaksa menunggu apakah pendapat-pendapat Jawatankuasa ini, apakah tindakan-tindakan baharulah kita pula dapat membuat fikiran-fikiran setelah Jawatankuasa ini membuat penyelidikan dan tindakan-tindakan yang wajar. Inilah yang wajar daripada pihak Kerajaan, tetapi bandingkan apakah pula telatah pihak Pembangkang di dalam hal ini. Untuk mengatasi masalah ini mereka membawa suatu usul tidak percaya kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, from here, we can see a clear differentiation between the responsibility of the Honourable Members of the Barisan Nasional and the Honourable Members from the Opposition

parties (*Tepuk*). We on this side of the House have taken immediate action to set up a Committee to study into this serious occurrence. What have the Honourable Members of the Opposition done, Mr Speaker, Sir? They have brought to this Honourable House a Motion of no confidence against the members of the Election Commission. From there, we can clearly discern the difference between the calibre of those Honourable Members who come from the Barisan Nasional and those who come from the other parties.

Mr Speaker, Sir, let us go into further details on this unfortunate Motion—I repeat “unfortunate”. The Motion seeks to put the blame on two grounds on the Election Commission: firstly, on the non-registration of eligible voters and, secondly, on the disenfranchisement of registered voters. As regards the first ground, i.e. the non-registration of eligible voters, it is not the fault of the Election Commission, and it might be due to the fault of potential voters themselves whereby they did not take enough interest to come forward to register themselves or it could be due to some other causes. But certainly it cannot be its mistake and certainly we cannot put the blame on the Election Commission for that. So, the first ground is completely out.

Now, we come to the second ground, i.e. the disenfranchisement of registered voters. I respectfully submit, Mr Speaker, Sir, that disenfranchisement of registered voters *per se* cannot be the ground of a Motion of no confidence on the distinguished members of the Election Commission. The grounds must at least be more than that: for instance, it could be suggested that either the number of voters who were disenfranchised was so great, was so numerous, as to upset the election process; or that any member or members of the Election Commission in concert did something or did instruct verbally or in writing any one member of the staff of the Election Commission to disenfranchise any of the potential voters. Now, if the Mover of this Motion, the Honourable Member for Kota Melaka, can come forward with evidence to prove that any or all of the members of the Election Commission had done anything towards the disenfranchisement of any one voter, I would certainly like to hear it in this honourable House. If the Honourable Member for Kota Melaka cannot produce

any evidence to that effect, it is his duty to withdraw this Motion (*Tepuk*). If he can prove, again, to this House that any member of the Staff of the Election Commission has received any instruction whatsoever to disenfranchise voters in this country, then I invite most respectfully the Honourable Member for Kota Melaka to produce this evidence in this august and Honourable House and, should he fail to do so, to withdraw the Motion. That is the call of this House.

Mr Speaker, Sir, an Honourable Member of this House—to be exact the Honourable Member for Kinta—has said that we on this side of the House purport to kill or intend to kill the D.A.P. by all means. Yes, of course, we intend to defeat them but by democratic means, and he forgot Sir, to include in his speech the word “democratic”. But certainly, it is our aim to represent the people in this country by democratic means. However, the statement of the Honourable Member for Kinta to the effect that we in this House would like to kill them by all means exposes the mental attitude of the Members of the D.A.P. It exposes them, it exposes the manner, the way, in which they think.

Now, Mr Speaker, Sir, they purport to impute that the landslide victory, which the Barisan Nasional has achieved in the recent General Election, is due to the fact that the Election Commission was partial. What an accusation indeed! Many Honourable Members of this House have said of them that they are poor sportsmen, and I echo that feeling indeed that the Members of the Opposition, particularly Honourable Members from the D.A.P., are poor sportsmen. You have lost the elections badly, take it in your stride, and take it like gentlemen. Perhaps, your defeat is caused because of your policies and so try to change your policies. Or perhaps, your policies could be too racist for the electorate, and so change them. It could also be possible that the electorate has rejected the D.A.P. because of its chauvinism, and so change it too. These are the things which the D.A.P. should have done consequent upon their heavy defeat in the recent elections but certainly not by bringing this unfair Motion on the august Suruhanjaya Pilihanraya—it is most unfair. The D.A.P. members should do an investigation unto themselves, do an analysis in the

party, find out where they failed, and perhaps, in the next elections, try again; and I wish them good luck, good luck to them. After they have studied and modified their policies and having taken the necessary corrective measures, then let them face the oncoming elections with confidence, and I, for one, wish them luck.

But I deeply regret the manner in which the Honourable Member for Kota Melaka has brought this Motion of no confidence, because a Motion of no confidence against the members of the Suruhanjaya Pilihanraya is a very serious accusation, Mr Speaker, Sir. It is a Motion that must be brought with great caution. It cannot be brought to this august House at the most flimsy of grounds. Before any Honourable Member of this House can bring such a serious Motion as this which is before the House, the Honourable Member must be sure of his facts, be sure of his grounds, be sure of the accusation; and then by all means, bring it to this House. But to bring this Motion to this House with such flimsy and groundless accusations, will only do dishonour to this august House. Indeed, Mr Speaker, Sir, the motion raises a doubt as to the very essence of democracy in this country. Democracy in this country, Mr Speaker, Sir, requires not only members of the Government but members of the Opposition to behave in a responsible manner. Not only that, democratic Malaysia needs a responsible Government and a responsible Opposition, not just an Opposition but a responsible and constructive Opposition which has the national interest in their hearts at all times. But many an occasion have we seen in this honourable House in which Members of the Opposition have decided to place their own party interests before the interests of this beloved nation of ours. And today, what we suspected all this while has become clear in that the Members of the Opposition have not used the democratic process in a democratic manner. Mr Speaker, Sir, I pray and appeal to the Members of the Opposition, since this is the last day of the sitting of this session of Parliament, that after we adjourn they go back, sit down, and think deeply and thoughtfully and act as responsibly as they could, so that we can be proud that we have in this country not only a responsible Government but also a responsible Opposition. In that way, and in that way alone, Mr Speaker, Sir, can democracy

flourish in this great nation of ours. I sincerely appeal to all Members of the Opposition to act in concert, and let us see at our next sitting that they will behave in a more responsible manner worthy of Honourable Members of the Opposition. I do most sincerely beseech of them, and I do hope that the day will not be far when this House will see a truly democratic process going on. We have already a responsible Government, and what we need now is only a responsible Opposition. We have gone half-way; it is only the other half of the way that we have to achieve. Once we are able to get a responsible Opposition, then that will be a wonderful day for all of us and on that day all of us in this House can pray to the Almighty God and say, "Thank God, we have now at least achieved a responsible Opposition." I thank you, Mr Speaker, Sir.

10.16 mlm.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membangkang usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berhubung dengan kutukan yang dilafaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap Suruhanjaya Pilihanraya yang kita kenal selama ini adalah satu Suruhanjaya yang telah menjalankan kerjanya dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bahawa usul yang dibuat ini sebenarnya bukan kerana pihak Pembangkang (D.A.P.) hendak menyatakan perasaan tidak puas hati dan sebagainya, bahkan ini adalah satu cara atau satu langkah untuk menunjukkan kepada orang ramai tentang apakah yang dijalankan oleh D.A.P. dalam Dewan yang mulia ini kononnya untuk membela orang-orang yang tidak boleh mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan dan melafaskan ucapan tahniah dan pujian setinggi-tingginya kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telahpun menjalankan kerjanya dengan baik dan yang telahpun menunjukkan kejayaannya yang cemerlang dalam mengendalikan pilihanraya kita baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui sungguhpun Parlimen kita dibubarkan pada akhir Julai, 1974 di mana sebelum itu pihak Kerajaan, Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri tidak pernah menyatakan tarikh akan diadakan pilihanraya, tetapi setelah dibubarkan Parlimen ini maka disaat itu barulah diperintahkan kepada seluruh jentera kerajaan, khususnya Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyiapkan segala kerja bagi menghadapi pilihanraya. Hasilnya apa yang dijalankan oleh Suruhanjaya itu adalah memuaskan, samada dalam perkara menyiapkan kertas undi, tempat mengundi, nama pengundi dan juga dalam perkara-perkara yang lain dalam masa hanya lebih kurang 24 hari sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini memang disetujui oleh semua Ahli Dewan ini samada daripada Barisan Nasional, samada oleh pihak Pembangkang bahawa kerja-kerja yang dilakukan oleh Suruhanjaya ini memang bersungguh-sungguh.

Jika tidak masakan boleh dilaksanakan kerja yang begitu berat. Saya dapat tahu ramai Pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya yang bekerja sampai larut malam, malah pegawai-pegawai ataupun wakil-wakilnya diperingkat negeri dan daerah pun terpaksa bekerja hingga larut malam, dengan cara memberi kursus dan sebagainya untuk menyiapkan kerja-kerja Pilihanraya Kebangsaan kita baru-baru ini. Sepatutnya kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana tidak ada kekacauan dan tidak ada apa-apa yang tidak memuaskan hati, yang tidak puas hati satu perkara sahaja iaitu banyak nama dalam senarai pengundi-pengundi tidak ada. Perkara ini berlaku bukan dalam kawasan Pembangkang sahaja, bukan dalam kawasan yang dipenuhi kononnya ramai pengundi-pengundi China sahaja? Kawasan saya pun banyak juga, dan ada Menteri yang namanya tidak ada. Kita tidak boleh katakan ini satu cara menjalankan demokrasi untuk membunuh orang lain. Tidak boleh kata begitu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu hujjahnya, kami dari Barisan Nasional boleh buat kira-kira awal-awal lagi di mana kawasan boleh menang dan di mana kawasan akan kalah dan memotong nama pengundi-pengundi supaya tidak boleh mengundi sebab kita ada jabatan penyiasatan tetapi kita tidak buat begitu. Yang sebenarnya, ada Menteri yang tidak dapat mengundi. Kesilapan ini bukan daripada Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya, mungkin kerana cara pendaftaran. Itu satu kesalahan padahal ada beratus-ratus yang baik, takkanlah kerana hilang beberapa nama pengundi kita

merosakkan semua kerja Suruhanjaya Pilihanraya. Ini sudah melampau. Saya rasa tiap-tiap seorang Ahli Dewan, samada dari pihak Kerajaan ataupun pihak Pembangkang tentu ada buat benda yang tidak betul, takkan satu benda tidak betul semua yang lain tidak betul. Tidak ada orang yang memikirkan begitu, sebab seorang itu memang ada yang betul dan ada yang tidak. Dalam ugama Islam ada menyatakan tidak ada seorang manusia yang tidak membuat kesilapan, sebab itu ugama Islam ada satu rukun iaitu minta ampun, bila kita buat salah kita boleh minta ampun kepada Tuhan. Tuhan boleh memberi ampun, inikan pula kita manusia yang salah sedikit, sedangkan yang baik beribu. Ini hanya satu cara untuk menunjukkan kerja-kerja yang dijalankan oleh Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin juga menyentuh beberapa perkara, sebab saya dari Barisan Nasional. Kami dituduh oleh Ahli Pembangkang iaitu kami bercakap mengikut arahan ketua sahaja. Itu tidak benar, kami diberi kebebasan oleh ketua kami iaitu Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri untuk menyuarakan pendapat-pendapat kami di dalam Dewan ini. Kalau sekiranya kami tidak diberi kebebasan, maka sudah tentu tidak ada Jabatan Kerajaan yang kena kritik, tidak ada Menteri yang kena kecam, ramai Ahli-ahli Kerajaan yang mengecam Menteri-menteri, atau kadang-kadang antara Ahli Dewan dengan Tuan Yang di-Pertua, pun ada berbalah juga. Ini menunjukkan kebebasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dengan Tuan Yang di-Pertua jangan berlawan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini kebebasan yang ada dalam Barisan Nasional. Jadi, inilah asasnya demokrasi kita, di mana kita dapat menyuarakan segala fikiran mana yang baik untuk dijadikan polisi negara bagi kepentingan rakyat. Dengan sebab itulah pihak Barisan Nasional membenarkan Ahli Pembangkang daripada pihak DAP bercakap dengan bebas daripada mula membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selepas itu Anggaran Belanjawan, 1975 dalam perbahasan umum dan dalam Peringkat Jawatankuasa. Dan kadang-kadang kami dari

Barisan Nasional hendak marah kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana terlampau banyak memberi peluang kepada pihak Pembangkang.

Kebebasan yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada pihak Pembangkang memang sudah banyak dan tidak boleh dinafikan, tetapi kalau tidak mahu bercakap itu lain masaalah. Begitu juga kami dari pihak Kerajaan sendiri telah diberi kebebasan seluas-luasnya untuk menyuarakan fikiran-fikiran yang dikehendaki oleh rakyat. Inilah perkara-perkara yang perlu difikirkan oleh pihak Pembangkang. Tambahan pula sebagaimana yang kita tahu bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini memang satu badan yang dilantik bukan oleh sesiapa, tetapi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada pihak Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya. Ini menunjukkan kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan. Ini satu penghormatan yang tinggi. Jadi, kita lawan pula, kita kata dia tidak baik dan begitu-begini. Saya rasa ini satu penentangan terhadap perlantikan yang dibuat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Perkara ini tidak menyenangkan dan tidak patut. Bukan bererti tidak boleh kritik? Kita boleh mengkritik dan kesalahan itu dimasa akan datang dapatlah diperbetulkan satu demi satu, sedikit demi sedikit sebab seperti kata pepatah: "Tidak ada gading yang tidak retak; tidak ada tanah yang tidak ditimpa hujan". Tidak ada seorang manusia yang tidak membuat salah. Tidak ada pejabat yang tidak membuat kesilapan, sebab itulah kita memerlukan Dewan yang mulia ini untuk mengadakan perbahasan-perbahasan demi faedah kita dan rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju benar kalau sekiranya wakil dari Kota Melaka itu setelah berbahas begini panjang, menarik balik usulnya demi untuk faedah kita bersama, selepas itu kita bersurai dari Dewan yang mulia ini dengan keadaan selamat. Sebab kita sama-sama Ahli Parlimen, sama-sama manusia tentulah kita tahu mana yang betul dan tidak; mana yang salah dan tidak salah. Oleh sebab marah kepada satu-satu hal, maka kita kritik. Penjelasan yang terang telah diberi, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas. Saya rasa itu adalah sebagai penawar untuk

menyejukkan hati pihak Pembangkang (DAP) dan menyatakan bahawa beliau sudah melakukan sedikit kesalahan dalam membawa usul ini kerana terlampau marah. Jadi, kita berharap selepas mendengar penerangan ini Yang Berhormat itu tarik balik usulnya, maka selamatlah sidang ini dengan keadaan yang baik, dan di masa akan datang kita sambung dengan tidak ada perasaan yang syak wasangka yang buruk terhadap Kerajaan dalam menjalankan polisi dan pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan perasaan tidak puas hati, perasaan yang berat dalam hati Pembangkang itu kerana seperti hujjah yang diberikan oleh wakil dari Kinta tadi kononnya Kerajaan hendak bunuh parti Pembangkang (DAP) dan bercakap dalam Dewan ini akan dituduh menjalankan sabversif. Yang sebenarnya, Kerajaan tidak pernah berkata begitu. Kebebasan memang diberi untuk bercakap, tetapi jangan menghasut orang dengan tunjuk perasaan hentam Kerajaan dengan cara kekerasan. Kita boleh bercakap dan berbahas dalam Dewan ini lepas itu kita undi, undi itu tidak paksa. Sekiranya kami Barisan Nasional hendak menyokong usul ini tidak apa, tetapi kalau tidak betul sudah tentu kami tidak akan menyokong. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kebebasan itu ada, kalau benda itu betul sudah tentu akan di sokong oleh semua, orang baik pihak Kerajaan mahupun pihak Pembangkang. Tetapi benda itu tidak betul sebab itu kami menentang.

Pada akhir sekali, saya dengan ini menyatakan kami menentang usul yang dibuat oleh wakil dari Kota Melaka. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan memberi kepujian setinggi-tingginya di atas kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam mengendalikan Pilihanraya Kebangsaan baru-baru ini.

10.31 mlm.

Tan Sri Haji Mohd. Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada mulanya saya tidak bercadang bercakap dalam Dewan yang mulia ini, sebab apa yang saya telah dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya telahpun berucap dengan hujjah-hujjah satu-persatunya bagi memberi penerangan atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Suruhanjaya Pilihanraya ini telah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya yang begitu baik beberapa kali pilihanraya yang telah lalu dan belum ada undi tidak percaya kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini dikemukakan, baik daripada pihak yang memerintah ataupun dari pihak Pembangkang. Jadi, apabila saya mendengar hujjah yang dikemukakan oleh pencadang saya sangat sedih, apakah sebabnya pula usul tidak percaya ini sekarang telah dibawa ke dalam Dewan ini menuduh Suruhanjaya Pilihanraya telah tidak menjalankan tugasnya dengan begitu baik, sebab banyak pengundi-pengundi telah tidak didaftarkan. Kalau kita fikir dengan sebaik-baiknya dan dengan sehalusnya, maka dapatlah kita ketahui apakah sebab-sebabnya pengundi-pengundi ini telah tidak didaftarkan, tetapi kalau kita fikir dengan ringkas sahaja sebab-sebabnya boleh jadi atas kekelahian kita dalam pilihanraya ini kita tidak puas hati, maka kita bawa satu perkara dengan satu alasan kerana tidak memuaskan, pada pendapat saya adalah mengelirukan kepada pengundi-pengundi kita sahaja. Di mana-mana negeri pun yang telah mengadakan pilihanraya ini ada juga sungutan-sungutan yang kita dengar mengatakan yang mereka tidak didaftarkan. Apabila kita mendengar Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah mengatakan dan menceritakan tadi semua pendaftaran nama-nama pengundi ini pun telah dibuka supaya sesiapa juga pengundi-pengundi yang berkelayakan yang tidak ada nama mereka di dalam buku pendaftaran itu bolehlah mengadu kepada pihak yang berkuasa. Apabila masanya telah tamat dan tidak ada pengaduan dibuat, maka bermakna perkara-perkara ini telah dijalankan dengan sebenarnya, dan tidak ada sungutan yang nama mereka telah tidak didaftarkan. Kita patut mengucapkan dengan setinggi-tinggi terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya, kerana mereka itu adalah sebuah badan yang bebas dan tidak berat sebelah, baik kepada pihak Kerajaan ataupun kepada pihak Pembangkang. Pada pendapat saya mereka itu telah menjalankan tugasnya dengan sebenarnya.

Sekarang dikemukakan undi tidak percaya kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Saya fikir sudah terlambat kerana sudah hujan baru kita mencari payung. Bukankah baik sebelum

pilihanraya diadakan pemeriksaan nama-nama pengundi ataupun penyokong-penyokong dari mana-mana parti, manakala tidak ada didaftarkan diminta penyokong-penyokongnya supaya mendaftarkan namanya. Akan tetapi sesudah keputusan diumumkan dan sudah nyata Parti Barisan Nasional telah berjaya dengan gilang-gemilang, maka dikemukakan usul tidak percaya kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Suruhanjaya Pilihanraya ini telah menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan adil sehingga pada masa sekarang ini. Kalau tidak adil tentu kita tidak nampak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang yang ada di dalam Dewan ini bercakap sekarang ini.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat yang membawa usul ini berkata: Suruhanjaya Pilihanraya ini bekerja kepada Barisan Nasional, bukan bekerja kepada Pembangkang. Tuduhan yang semacam ini tidak berasas sama sekali, kerana kita faham Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah badan yang bebas menjalankan tugasnya. Oleh itu, saya menyokong dengan sepenuhnya ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan juga ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional.

Pengundi-pengundi yang telah tidak dapat didaftarkan kerana telah beralih tempat ataupun mereka telah kahwin di lain negeri dan tinggal di sana dan tidak mahu mendaftarkan nama lagi dan tidak memeriksa nama mereka, atau mereka itu kebanyakannya telah pindah dari satu kawasan ke satu kawasan lain, dari satu negeri ke satu negeri dan sudah bekerja dengan senang-lenang di tempat itu dan tidak perlu bagi mereka untuk memeriksa nama mereka adakah telah didaftarkan ataupun tidak.

Dengan sebab-sebab itu, pada pendapat saya bukanlah kesalahan Suruhanjaya Pilihanraya, kesalahan itu terpulang kepada mereka yang tidak mahu mendaftar, tidak mahu memeriksa namanya dan tidak mahu bekerjasama. Saya ada terdengar di tempat-tempat yang tertentu mereka tidak pergi mendaftar, mereka berkata iaitu apa guna kita mendaftar nama bukan ada bergaji dan kalau boleh mengundi sahaja. Perkara ini sudah berlaku. Boleh jadi di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, ada orang yang buat semacam itu, itulah sebabnya nama-nama mereka telah tidak didaftarkan.

Kita mendengar sebegitu banyak nama yang telah didaftarkan. Kalau Yang Berhormat itu dapat buktikan, maka menasabahlah Yang Berhormat membawa usul ini, dan pada pendapat saya patutlah kita fikirkan, tetapi beliau tidak dapat tunjukkan siapa yang telah tidak didaftarkan namanya, dan adakah betul-betul begitu banyak nama yang telah tidak didaftarkan?

Oleh itu, pada pendapat saya tidak payah usul ini di bawa oleh Ahli Yang Berhormat dan tarik balik supaya dapat melicinkan perjalanan mesyuarat ini.

Ada satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kinta yang mengatakan di dalam pilihanraya tahun 1969 partinya telah mendapat banyak penyokong-penyokong dan mendapat lebih undi, tetapi bagi tahun 1974 ini apabila berlaku kejadian semacam ini partinya telah tidak mendapat undi yang lebih banyak. Saya percaya boleh jadi pengundi-pengundi itu tidak mempunyai kepercayaan kepada partinya sehingga telah terjadi semacam itu.

Saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya lagi, maka dengan itu saya membangkang usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut senarai, sebelum daripada Majlis ini ditempokkan tadi, ada tiga orang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat dari Mata Kuching. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

10.41 mlm.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya membuat teguran-teguran dan nasihat-nasihat atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu dengan hati dan perasaan yang ikhlas dan kasih. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya kasih kepada Yang Berhormat itu especially his dimpled smile.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baguslah berkasih-kasih di antara satu sama lain.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya mengamalkan muhibbah. Tuan Yang di-Pertua, sungutan-sungutan yang saya dengar yang dibawa oleh beliau itu yang pertamanya lebih

kurang 200,000 orang tidak dapat menggunakan hakmutlak mereka mengundi, di antaranya adalah juga tokoh-tokoh daripada Barisan Nasional. Beliau juga mengatakan mengapa pada mula-mulanya tokoh-tokoh Barisan Nasional ini sudah menyebutkan dan mengemukakan perasaan-perasaan tidak puas hati di atas kerja-kerja yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi selepas daripada itu diam sahaja. Yang kedua, Yang Berhormat mengatakan apa yang disuarakan oleh beliau ialah perasaan tidak puas hati, teguran dan sungutan daripada rakyat. Beliau bersungut bahawa suara beliau setiap tahun di dalam Dewan yang mulia ini telah mengata dan mencadangkan cara-cara bagaimana pendaftaran pengundi itu boleh diperbaiki, tetapi tidak dihiraukan oleh pihak Kerajaan, dan juga beliau mengatakan kekalahan parti beliau iaitu D.A.P. ialah kerana kehilangan 200,000 pengundi-pengundi yang disebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta pula, saya dengar tidak ada satu pun hujjah-hujjah yang boleh saya anggap sebagai hujjah-hujjah yang membawa apa-apa erti, selain daripada emosi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya di sini ialah :

- (i) Adakah sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya itu dengan sengaja meninggalkan nama bakal-bakal pengundi itu?
- (ii) Adakah mereka berpendirian berat sebelah ataupun bias?

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menggambarkan bezanya di antara pihak D.A.P. dengan Barisan Nasional. Bezanya ialah kami daripada Barisan Nasional mempunyai pendirian dan mempunyai pemikiran yang rational. Kami daripada Barisan Nasional tidak takbur, tidak angkuh dan tidak menduakan Tuhan. Kami berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa Tuhan sahajalah yang tidak membuat salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memperingatkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu janganlah mereka lupa bahawa pendaftaran itu bukanlah satu perkara compulsory. Kita sebagai individu apabila sahaja cukup umur kita 21 tahun, tahu akan hakmutlak kita mendaftarkan nama kita. Pembatalan Pendaftaran Pengundi-pengundi juga ada sebab-sebabnya, to expect the officers of the Suruhanjaya to go on their bended knees to every house to ask pengundi-pengundi is I think, asking too much.

Ini lah barangkali yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat sebab ada penukaran-penukaran alamat, kerana pengundi-pengundi itu pada suatu masa kononnya duduk di tempat A, sekarang berpindah di tempat B, tetapi oleh kerana dia tidak mengambil penduli dan tidak hendak mengambil tahu hak-mutlaknya, maka dia sendiri bersalah kerana tidak menggunakan borang-borang yang tertentu untuk mendaftarkan namanya di tempat yang baru itu. Memang diakui ada kesilapan, ada kelalaian sebagaimana yang saya katakan tadi, siapa yang tidak pernah membuat silap, tetapi kesilapan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu bukanlah sewajarnya pula boleh kita mengemukakan usul vote of no confidence, sebagaimana yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Di sini saya suka mengingatkan terutama Ahli Yang Berhormat dari Kinta, beliau selalu bangkit dua tiga kali dalam Dewan ini mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional pak turut sahaja. Pak turut sebagaimana barangkali kerbau, ditambah hidung ditarik oleh tuannya mengikut sahaja. Ini anggapan beliau. Saya sangat-sangat dukacita kerana kalau beliau betul-betul mengerti bahasa Kebangsaan kita, barangkali dia akan faham, boleh memetik hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang bukan sahaja mencaci, mengecam dan mengkritik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri hingga Perdana Menteri pun dikritik dengan hebat oleh kita di Dewan yang mulia ini, tetapi dukacita, Ahli Yang Berhormat dari Kinta itu tidak fasih dalam bahasa Malaysia. Jadi saya menasihatkan kepada Ahli yang muda itu; banyak lagi masanya barangkali untuk beliau belajar, belajarliah sungguh-sungguh bahasa Malaysia supaya tahu dan mengerti dan jangan dibuat tuduhan melulu sahaja.

Saya memandang bahawa usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu hanya untuk menarik pandangan ataupun perhatian rakyat. Rakyat pada masa ini tidak boleh lagi dirabun-rabunkan matanya, tidak boleh lagi diumpan-umpan dengan kata-kata dan propaganda sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya mengatakan di sini bahawa suara Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bukanlah suara rakyat

sebagaimana yang dikatakannya, tetapi sebenarnya ialah suara partinya sendiri, parti D.A.P. dan tidak seharusnya kita layan usul itu, kerana bukan suara 11 juta warganegara Malaysia di negara yang kita cintai ini.

10.49 mlm.

Tuan Chin Hon Ngian (Renggam): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to oppose the Motion moved by the Honourable Member for Kota Melaka. I would say that this Motion is at best mischievous and frivolous and it ought not to have been brought to this House at all.

Mr Speaker, Sir, the Motion states that the mass disenfranchisement of registered voters and the non-registration of eligible voters has undermined the whole democratic process. If that is true, the Honourable Member for Kota Melaka and the other Members from his party would not be here in this House today. The very fact that they are here proves beyond reasonable doubts that the Election Commission has conducted the last General Elections in an impartial and in as efficient a manner as possible.

Mr Speaker, Sir, according to Article 55 (3) of the Constitution, I quote, "Parliament, unless sooner dissolved, shall continue for five years from the date of its first meeting and shall then stand dissolved". Mr Speaker, Sir, the tragic event of May 13, 1969 could have led to a long period of rule by decree only and not by a popularly and democratically elected government and also, according to this particular Article in the Constitution, the Government could have delayed the holding of the recent General Election until 1976. However, the Honourable Prime Minister, who could have postponed the Election to 1976, did not do so because of his high sense of justice and fair-play and also because he felt that he should not only lead the country with legal and constitutional justifications but also with moral authority. That is why the Honourable Prime Minister conformed to the convention and the spirit of the Constitution by calling for a General Election five years after 1969 and not, as he could have done, after 1971. Because the Honourable Prime Minister had called for the Election two years earlier, we found that the Election Commission had to belabour under very strong pressures to get ready the

election machinery in order to conform with the parliamentary democratic practice, i.e. to hold a General Election to enable the political parties to return to the people and obtain their support to govern the nation.

Mr Speaker, Sir, it is clear, from what I have said just now, that the Election Commission had too short a time to prepare for the 1974 General Election because, according to the provisions of the Constitution, the Election was not due yet until 1976. However, the Election Commission, though it was pressed with time, had done reasonably well. Moreover, due to an amendment to the Constitution, the delineation of the Parliamentary and State constituencies had to be reviewed again and because of this delay was also inevitable. As such, Mr Speaker, Sir, I would say that, although there was some disenfranchisement and there were some eligible voters not being registered as voters as stated in the motion, there is no reason for us in this House to allege that the Election Commission has undermined the whole democratic process in this country.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Kinta said that it was because 200,000-odd eligible voters did not have the chance to vote that half the number of the Barisan Nasional candidates were returned. I would say that this is rather presumptuous. I say it is presumptuous because he thought that if those two hundred thousand eligible voters could have had the chance to vote, they would have voted for D.A.P. members. We all know that to make such a claim is, to say the least, "absurd".

Mr Speaker, Sir, from the statement pertaining to the Election Commission as contained in this Expenditure Budget 1975, I could say that in this country there is a total of four million voters. Now the 200,000 missing voters consist of 5% of the total number of voters. If this 5% of the total number of voters can affect the composition of this House as it is now, I would say that that claim certainly does not hold water, because of the four million voters, 75% or roughly three million have turned out to vote, and the majority of them have voted candidates from the Barisan Nasional under the leadership of the Honourable Prime Minister. Had the majority of these voters voted the Members of the D.A.P. the motion today

would have been one of praise and the Motion would have said that the Election Commission had done a good job. If the results that the Members of the D.A.P. wanted were in favour of them, then they would have claimed that the Election Commission was brave and had upheld the whole democratic process in a fair and just manner. In short, this motion would have been worded entirely in a different manner. Mr Speaker, Sir, such a Motion as presently worded shows the attitude and the mentality of the Members from the D.A.P. which is led by the Honourable Member for Kota Melaka.

Mr Speaker, Sir, I wish to point out that in this country we are practising a genuine type of democracy. If the Government wanted, as I said earlier on, because of the tragic event of May 13th it could have set the clock back and joined those who have failed to nurture the growth of democratic practice and process after having been set free for that purpose. Also to prove that the majority of us in this country have been sincerely laying the foundation for a true democratic society, we have two men of great vision who have, by their exemplary actions, started the ball rolling.

The first person has been none other than our first beloved Prime Minister, Tunku Abdul Rahman who, while he was a popularly and democratically elected leader had, in an unprecedented manner, handed over his powers to his successor, though either legally or morally the Tunku need not have done so. This is a proof to the fact that our beloved Tunku has laid the first foundation stone for the creation of a strong democratic base. Now, his successor, the Honourable Prime Minister, has followed that example by doing this way: he has contributed towards strengthening that base by calling for the General Election in 1974 and not delaying it anymore, although the Honourable Prime Minister could have waited to do so till 1976, two years from now.

Tuan Lim Cho Hock: The Honourable Member is repeating his points, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Don't repeat your points.

Tuan Chin Hon Ngian: Mr Speaker, Sir, in conclusion, I wish to say that all the signs that have taken place in this nation are signs

pointing towards the creation of a society where important advances by implementing democratic values can be realised. Mr Speaker, Sir, I join those colleagues of mine in this Chamber to oppose this mischievous and frivolous motion.

11.03 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun tinggal saya seorang wanita sahaja di dalam Dewan ini, tetapi selepas mendengar usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini memakai coat kerana berasa sejuk—tetapi saya makin lama makin berasa panas, jadi kalau saya tak bangun bercakap tak tahulah apa akan jadi.

Dengan ini saya memang membangkang sekeras-kerasnya di atas usul yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tuduhan-tuduhannya memang tidak patut dan tidak bertanggungjawab. Dalam ucapan beliau tadi mengatakan buta, pekak, kepala beku tetapi pada pendapat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak ada yang pekak, buta dan kepala beku. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melakalah begitu. Patutlah kita di sini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang dapat menyediakan segala bahan-bahan mengikut tarikh yang ditetapkan itu dan dapat menjalankan pilihanraya dengan sempurna. Jadi, kita patut mengucapkan tahniah dan terima kasih, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan dari pihak Pembangkang di sana mengatakan inefficient kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Pada pendapat saya ini memang satu perkataan yang tidak patut dilemparkan sama sekali.

Saya suka bercakap sedikit sahaja sebagaimana saya katakan tadi, Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang ataupun khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka janganlah berhati batu, eloklah tarik balik sahaja usul yang dibuat itu dan boleh kita sama-sama balik sebab tuduhan tadi memang tak patut. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tak hendak tarik balik usulnya itu saya duduk di sini sampai hari siang. (*Ketawa*). Saya memang diwakili oleh rakyat dipilih dalam pilihanraya. Kalau semua orang duduk di sini, tidur di sini, saya seorang wanita pun sanggup duduk di sini sampai hari siang. (*Tepuk*).

11.06 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membangkang sebagaimana saudara-saudara saya yang lain usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya suka mengingatkan Kerajaan saya sendiri iaitu kita telah membahaskan usul ini kalau tak silap saya daripada pukul 6.40 petang tadi sampailah sekarang ini sudah pukul 11.05 malam yang agak saya sudah $4\frac{1}{2}$ jam lebih. Kadang-kadang ada usul yang lebih menafaat lagi tak sampai satu jam kita luluskan. Dalam perkara ini saya teringat kepada satu pepatah: Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali. Jadi kita ini sudah terlampau had daripada buat baik. Bagaimana kita buat baik pun, mereka tak suka kepada kita sebagaimana kata pepatah: Kecil kerana cinta, besar kerana benci. Kalau dia berasa cinta dia sanggup berkorban dan susah-payah, tetapi kalau dia benci bagaimana buat baik pun dia kata dia benci juga. Apa sahaja yang kita buat tak pernah yang kena. Dengan sebab itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan sendiri pada masa yang akan datang, kalau ada cadangan-cadangan yang semacam ini, jangan memberi peluang yang lebih daripada had. Jangan beri peluang seperti hari ini. Benda yang lepas biarlah lepas. Malam ini kita bersidang setakat mana boleh bersidang, kerana masa makan malam telah terlalu lewat dan mata kita pun merasa mengantuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup hairan di atas sikap wakil dari Kota Melaka. Daripada awal Majlis ini bersidang, daripada 4 haribulan masa membahaskan Titah Ucapan Di Raja, sebagaimana kata salah seorang daripada wakil tadi, kemudian Ucapan Belanjawan, dalam soal-jawab perkara Suruhanjaya Pilihanraya telah dibangkitkan berkali-kali, dijawab oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang mulia hati itu bahawa kita hendak kaji perkara itu. Oleh itu, adakah patut sedikit salah komplén semua tak baik. Cuba kita fikir sebagai guru sekolah. Adakah adil sebagai seorang cikgu yang memeriksa keputusan murid-muridnya dalam sekolah, salahnya 2 markah, adakah patut dia bubuh 0/10? Saya fikir dia kena bubuh 8/10 sebab 2 yang salah.

Saya berasa hairan sungguh-sungguh tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—saya sungguh-sungguh hairan. Kita

tak menafikan dan Kerajaan kita telah berkali-kali mengatakan ada benda yang tak baik, sebagaimana kata rakan kita tadi walaupun semua orang berambut hitam, kadang-kadang ada yang putih, tetapi adakah kita kata yang dia itu tua dengan serta-merta? Sebagai Hakim yang adil, kalau seseorang melakukan kesalahan yang sedikit seperti mencuri basikal atau seekor ayam adakah mesti dihukum bunuh hamba Allah ini. Hakim manakah yang akan berbuat semacam itu? Saya berpendapat wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional ini bukan jadi pak turut, walau datang daripada manapun fikirananya waras. Oleh sebab itulah maka orang ramai dalam Malaysia suka memilih orang-orang daripada Barisan Nasional. Jadi saya amatlah kesal sikap pencadang usul ini, kerana hendak cari salah, yang baik tidak dicari. Saya takut sedikit jangan-jangan kita semua balik bercerai dengan isteri. Mengapa tidak! Isteri yang kita kasihi pun kadang-kadang ada yang silap. Sedikit sahaja silap—get out—tinggal kita seorang sahaja tidak beristeri. Saya tidak nafikan ada sedikit-sebanyak kesilapan. Sebagai manusia kita tidak nafikan, maka oleh sebab itulah seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Dungun, manusia tidak dapat lari daripada silap dan salah, kita sama kita pun kadang-kadang sedang hendak bercakap Tuan Yang di-Pertua, kata: duduk, sebab salah dari segi Standing Order, maka kita pun duduk. Kalau buat silap sekali, keluar (out) terus, maka tidak akan menjadi wakil rakyat lagi. Maka saya berharaplah lain kali kalau hendak menerima satu-satu cadangan kaji dengan teliti, dan jangan kita memuliakan satu cadangan lebih daripada satu motion yang berfaedah untuk rakyat. Ini kita cuma membincangkan satu cadangan, seolah-olah kita hendak menjawab usul pencadang ini sebagai satu perkara yang cukup besar. Kita membuang masa petang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya cukup sedih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu benda ini sebagai

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat tidak bercakap banyak, lekaslah habis (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kalau benda yang berfaedah kita cakap banyak pun tidak mengapa. Kita hendak menunjukkan sikap kita jujur, ikhlas dan mengamalkan demokrasi, apa yang orang katapun kita cuba buat. Tetapi seperti

saya katakan tadi, buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali. Saya suka menyebutkan sebuah cerita Arab di sini iaitu seorang hamba Allah terlampau ikhlas, berjumpa ular di tengah jalan. Ular itu sakit dia ambil bubuh dalam poketnya. Akhirnya, bukan ular itu berterima kasih, tangannya kena gigit.

